The people would wish their children could go to well-built and well-furnished schools and not the dilapidated schools. The Premier in his budget speech for 2018 said, *"There are a total of 1,020 dilapidated schools in the State of which 415 are considered critically dilapidated"*. Again, the Premier said, *"It is disheartening to see our children to have been suffering from such poor-quality conditions and are forced to study in such inferior environment"*.

And the Premier decided to step in to facilitate the redevelopment of schools in Sarawak, I quote him, *"Using State fund and would continue to do so"*.

Tuan Speaker, people would wish they had full and uninterrupted piped water and electricity supplies. They would wish to have better road connectivity particularly those in the rural areas. Towards this end, Tuan Speaker, the Premier announced in his 2020 Budget, *"To accelerate the pace of development in the rural areas, a total sum of RM13.357 billion is proposed in 2020 for the implementation of high impact projects, including construction of roads and bridges"*.

In the provision of treated water and electricity supplies, the Premier again said in the 2020 Budget, *"The State Government is targeting 100% coverage by year 2025. To achieve this objective, a sum of RM3.742 billion would be provided in 2020"*. The State Government is also committed to provide affordable housing to the *rakyat* especially to the low-income group. I quote the Premier, *"Funds should be allocated to Housing Development Corporation (HDC) to implement this initiative"*. In other words, to provide housing to the low-income group, particularly the B40 group.

And so, Tuan Speaker, all plans are there, and funds provided, what remains is execution. I must say that responsibilities to develop the State do not rest with the Premier alone but with all parties concerned. All the Ministers, the Permanent Secretaries of all Ministries, the Heads of Departments and all staff including the Local Authorities, the Boards, CEOs and CFOs of all Statutory

Bodies and Government-link companies must work hard and work in concerted manner to ensure professionalism and competency to bring the State's development to a greater height.

In the words of the Premier, himself, in his winding-up speech delivered on 17th November 2017, *"As I lay out my ideas, I hope I do not give the impression that I will be the only person in Sarawak doing everything for Sarawak. No, on the contrary, "I am creating opportunities for all people to get involved, those with skills and talents to do great things together for Sarawak"*. The Premier further said in the same speech, *"Many things we are doing are new to Sarawak. We only have hope and courage combined with determination. Together and God willing, we shall succeed"*.

We all must therefore be supportive of what the Premier is endeavouring to do for Sarawak and work hard together to help realise the Premier's vision of Sarawak becoming a developed State with a high-income society by 2030.

Tuan Speaker, allow me now to touch on the topics of redevelopment of Bukit Assek area and the flood issue in Sibü. In recent months, the SUPP leaders organised delegation visits to Singapore, Australia and Holland to do fact-findings for the redevelopment of Bukit Assek area in Sibü.

After visiting Singapore, the Deputy Premier, Yang Berhormat Dato Sri Prof Dr. Sim Kui Hian said on 12th October 2022 that, *"The Sarawak Government had instructed LCDA to engage a Singapore Consultancy Firm to come up with the development plan which is to include 500 acres of land in Bukit Assek area, of which 50 acres of land would be turned into a giant lake serving as a reservoir to contain excessive water"*. Yang Berhormat Dato Sri Prof Dr. Sim Kui Hian also said, the Premier himself had shown great concern and had allocated an initial sum of RM1 billion for the project.

However, subsequently after visiting Holland, Yang Berhormat Deputy Premier, Dato Sri Prof Dr. Sim Kui Hian said, the redevelopment of Bukit Assek would be patterned after Gouda Town of Holland of which a plan would be drawn up. And they also said that they could one day turn Bukit Assek and Sibü into a city to look like Amsterdam of Holland. Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Assek also spoke of grand and rapid development for Bukit Assek in the next five years.

The people of Sibü really would like to know the timetable and the manner by which the redevelopment is to take place because there are conflicts, there are different version that come forth from the SUPP leaders.

Tuan Speaker, as for Sibü flood mitigation issue, I would strongly urge the State Government to first refer to the former Flood Mitigation Plan for Sibü carried out earlier by the Federal Ministry of Sumber Asli and Alam Sekitar which was at that time headed by our Deputy Premier Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah. The implementation work was to be carried out in 4 phases. Phase 1 and Phase 2 had been successfully carried out and proven effective and successful.

Unfortunately, because of the changing political situation in Sibü, at that time I was the only Yang Berhormat left in Sibü, the rest of the constituency all went to DAP. Because of the changing political situation in Sibü and also because the Federal Minister in charge, Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas was transferred to other ministries, Phase 3 and Phase 4 works were not carried out. Otherwise, many things that Sibü flooding issue would have been to a large extent, solved.

I therefore would like the State Government to refer to the Federal Ministry for the old Sibü Flood Mitigation Master Plan and I am sure the entire master plan would still be in the safe keeping of the Federal Ministry. If not, I have a copy.

I suggest we can re-visit this Flood Mitigation Plan and study it first before we embark on something new. After all, that master plan was drawn up also after sending a lot of the Federal Offices to Holland to do fact finding or we can consult our Deputy Premier, Yang Berhormat Datuk

Amar Douglas Uggah Embas and ask for his advice. I remember, in those days, Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas pay personal close attention and had devoted a great deal of time and energy into solving flood problem in Sibü. He would have full knowledge as to how Sibü's flooding issue can best be handled.

As for Bukit Assek's redevelopment, it has been a long outstanding issue. Tuan Speaker, from 2002 to 2011, the then so-called Sibü Barisan Nasional Wawasan Team led by the late Datuk Robert Lau and myself, had a master plan drawn up by a consultant to redevelop the entire area.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, you have to conclude, it has exceeded... (*Interruption*)...

YB Dato Sri Wong Soon Koh: We went to the ground doing door to door survey and fact findings. We tried hard for many months. In the end, the whole plan had to be aborted. The landlord and house owners in the affected areas demanded very high and totally unrealistic compensation prices if they were made to vacate the areas. Neither the State Government nor the private sector would find it feasible or could afford to carry out the redevelopment of the Bukit Assek area.

In the end, the Barisan Nasional Wawasan Team had to abandon the entire redevelopment plan. Hopefully, this time around with more political crowd, stronger political will and more resources, SUPP leaders with the backing from the Premier himself will be able to accomplish this seemingly impossible task of redeveloping Bukit Assek.

To conclude, Tuan Speaker, I would like to congratulate you for successfully conducting yet another session of the sitting in this august House and I must say it is a job very well done. Thank you. I also like to take this opportunity to wish all Honourable Members and friends who are celebrating Gawai, I would like to say *Selamat Hari Gawai, Gayu Guru Gerai Nyamai*. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Honourable Member for Tebedu.

YB Dr. Simon Sinang @ Sinang anak Bada: Tuan Speaker, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Usul Penghargaan atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang telah menyampaikan beberapa isu pokok dan perkara yang jelas meletakkan agenda rakyat dan Negeri Sarawak di hadapan.

Tuan Speaker, tahniah dan syabas diucapkan kepada Kerajaan GPS yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Premier kerana meletakkan kestabilan politik, kesejahteraan rakyat Malaysia dan Kerajaan Persekutuan yang stabil di hadapan. Keputusan PRU15 yang lepas tidak memihak kepada mana-mana gabungan parti politik untuk menubuhkan Kerajaan Persekutuan menyebabkan ketidaktentuan politik di peringkat persekutuan dan atas dasar ini ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menitahkan parti-parti politik untuk menubuhkan Kerajaan Perpaduan.

GPS atas pimpinan Yang Amat Berhormat Premier mengambil keputusan yang jelas, dengan meletakkan kestabilan politik, kesejahteraan rakyat Malaysia dan Kerajaan Persekutuan yang stabil dan kita bersetuju untuk menyertai Kerajaan Perpaduan ini. Ini merupakan bukti yang jelas bahawa GPS dan Kerajaan Sarawak komited untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan demi kemakmuran Malaysia dan Sarawak khususnya.

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Fadillah Yusof di atas pelantikan sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Ia ialah suatu sejarah untuk rakyat Sarawak dan GPS yang buat pertama kalinya, Timbalan Perdana Menteri dilantik dari Wilayah Borneo dan tahniah juga diucapkan kepada empat orang lagi Menteri penuh dari Sarawak, iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Syukri, Yang Berhormat

Datuk Seri Tiong King Sing dan Yang Berhormat Dato' Aaron Ago serta Timbalan-timbalan Menteri yang lain. Semoga Kerajaan Perpaduan akan dapat melaksanakan pelbagai pembangunan seperti meningkatkan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, infrastruktur asas, kebajikan dan keselamatan di Sarawak untuk kemakmuran rakyat Sarawak.

Tuan Speaker, Kerajaan Sarawak melalui pimpinan GPS sentiasa menyokong Kerajaan Persekutuan yang stabil dan kita akan menjalinkan hubungan yang erat dengan pimpinan Kerajaan Persekutuan yang memerintah. Kita percaya dengan kerjasama yang erat ini, rundingan tuntutan MA63 dengan berdasarkan Laporan IGC akan dipermudahkan dan lebih banyak lagi tuntutan-tuntutan yang belum dikembalikan seperti:

- (a) Jumlah keahlian Lembaga Pengarah dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- (b) Isu pentadbiran badan kehakiman Sabah dan Sarawak;
- (c) Pengiktirafan JKR, DID, JBALB Sarawak sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182;
- (d) Cadangan pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Sabah dan Sarawak di Parlimen; dan
- (e) Perbincangan mengenai formula semakan pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.

Semoga tuntutan-tuntutan yang saya nyatakan akan berjaya kita ambil semula kerana ini selaras dengan kedudukan Kerajaan Negeri untuk menuntut hak rakyat Sarawak seperti dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan 1962, Perjanjian Malaysia 1963 dan perlindungan perlembagaan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kita berharap tuntutan ini dipermudahkan dan segera dikembalikan dengan terbentuknya Kabinet Persekutuan yang baharu di bawah Kerajaan Perpaduan.

Tuan Speaker, penganjuran sambutan Kemerdekaan Sarawak Ke-60 yang bertemakan "*Sarawak Maju Makmur*" yang bermula pada 28 Mei 2023 dan akan berakhir 22 Julai ini sejajar dengan kejayaan yang telah dicapai oleh rakyat Sarawak dari segi ekonomi, politik dan sosial. Sebagai seorang anak jati Sarawak, saya melihat sambutan ini mampu menyemai semangat patriotik dan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Bumi Kenyalang tercinta ini. Kita harus menyemai semangat kemerdekaan ini kerana 15 atau 20 tahun lalu tarikh tersebut tidak akan dipedulikan sangat oleh pemimpin dan rakyat Sarawak. Namun kini, tarikh 22 Julai 1963 memberi semangat besar kepada anak Sarawak. Bagi saya, tarikh ini sangat penting kerana Malaysia hanya dibentuk pada tahun 1963. Hari Sarawak, 22 Julai merupakan hari untuk rakyat Sarawak menebalkan lagi rasa cinta mereka kepada Sarawak dan hak-haknya di dalam Persekutuan Malaysia.

Tuan Speaker, COVID-19 meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada kehidupan manusia sejagat dan rakyat Sarawak khususnya. Pandemik ini telah melemahkan prospek pertumbuhan global dan Sarawak tidak terlepas daripada kemerosotan ketara dan kejatuhan menyeluruh dalam aktiviti ekonominya.

Dalam usaha untuk keluar daripada kebuntuan akibat pandemik serta mengubah landskap ekonomi Sarawak, GPS telah melancarkan PCDS 2023 dan telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 atau PCDS 2030 yang diperkenalkan oleh Kerajaan Sarawak melalui Gabungan Parti Sarawak (GPS) ialah strategi menyeluruh untuk kesejahteraan semua warga Sarawak. Melalui strategi itu, tiada pihak yang dipinggirkan dengan tujuan utama iaitu menjaga kesejahteraan sosial semua komuniti di Negeri Sarawak.

Kerajaan Sarawak berhasrat menjadikan Negeri ini terus berkembang maju bagi memastikan setiap warganya dapat menikmati kemakmuran ekonomi, keterangkuman sosial, persekitaran mampan yang dipacu oleh data dan inovasi menjelang 2030.

Tuan Speaker, melalui PCDS 2030, Kerajaan Sarawak mengambil langkah ke depan dengan melaksanakan inisiatif pembangunan strategik seperti ekonomi baharu yang berasaskan ekonomi digital dan ekonomi teknologi hijau.

Ekonomi baharu berasaskan teknologi hijau ini telah menarik minat pelabur untuk melabur di Sarawak tanpa mengabaikan kelestarian alam sekitar.

Perniagaan karbon dan penyelidikan sumber ekonomi baharu yang dilakukan oleh Sarawak Biodiversiti Center mampu menggandakan lagi pendapatan Sarawak dan mencungkil bakat-bakat anak-anak tempatan dalam bidang perkhidmatan dan kesihatan. Langkah Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar untuk memuktamadkan Dasar Ekonomi Hijau Sarawak akan menyaksikan Sarawak beralih ke arah ekonomi hijau yang memisahkan pertumbuhan ekonomi dari sumber konvensional seperti tenaga, penggunaan sumber asli, pelepasan karbon dan pencemaran. Ini merupakan bayangan kepada Sarawak sebagai sebuah Negeri hijau yang sangat mampan, dengan persekitaran yang bersih untuk didiami.

Tuan Speaker, kita di Sarawak amat bertuah dan beruntung kerana memiliki sebuah Kerajaan pemerintah yang boleh dipanggil Kerajaan kebajikan. Kerajaan Sarawak sentiasa menyalurkan bantuan yang berterusan kepada rakyatnya. Seperti yang kita semua sedia maklum, ketika COVID-19 melanda sehingga ke hari ini, sebanyak RM6.7 bilion telah diperuntukkan kepada BKSS 1.0 hingga BKSS 9.0 yang tertumpu kepada usaha untuk membantu rakyat yang terkesan. Selain daripada itu, banyak lagi bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Sarawak, antaranya, Bantuan Ibu Bersalin sebanyak RM450 dan *endowment* RM1000 kepada anak baru lahir serta banyak lagi bantuan-bantuan lain yang telah dilaksanakan dan akan diteruskan.

Tuan Speaker, allow me to draw the attention of this august House to a few predicaments', difficulties, issues, plights and problems faced by my constituents of N.21 Tebedu.

Economic and Employment Opportunities

I have a dream. A dream to see that my constituency N.21 Tebedu, would one day become a constituency that is developed in line with the PCDS 2030. The constituents can earn a living that can support and provide for their family comfortably, able to send their children to schools, universities and all the wealth needed to support a happy, harmonious and prosperous family.

When the Tebedu Industrial Park was planned, a vast track of Native Customary Rights Land totalling to 133.4 hectares were acquired from the villagers to pave the way for the Government to set up factories. In 2005, 48.6 hectares was prepared for the purpose of Tebedu Inland Port. In 2012, another 84.8 hectares of land consisting of 36 lots for general industries was completed.

Tuan Speaker, with the opening up of these factories, we believe, I believe that economic activities will be spurred, and job opportunities will be made available to the locals especially my constituents who greatly need these job opportunities. Unfortunately, after 18 years after the completion of the site, there is still no factories or any industries operating at the industrial area.

However, not all hope is lost. I placed my biggest hope and trust that the industries will be opened up and spruced up in the near future. I was approached by an investor who wishes to open up the first factory at the gazetted industrial zone. I was enlightened by them that his application to operate the factory was approved by the relevant agencies subject to the payment of Land Premium with a rate of RM10 per square foot. This posed problem to the investor because the earlier rates were only RM2 for uncleared land and RM5 for filled land.

Tuan Speaker, I wish to appeal to the State Government to award a Pioneer Status to this First Applicant so that they can set up their first factory at the said Industrial Zone at Tebedu. It is our fervent and sincere hope and wish that, after the first factory is set up, this will attract other players

and other industries to come and open up their factories at Tebedu. This will help the Government to push and accelerate our PCDS 2030 Agenda.

Internet Connectivity

Economic Digitalisation glaringly appeared at our TYT's speech during the Official Opening of the 19th DUN Sitting on 15th May 2023. It is also one of the most important Strategic Thrust under the PCDS 2030. I wish to thank the Government for all the initiatives that were carried out throughout my constituency. However, I wish to draw the attention of this august House that telephone signal, internet coverage is still unsatisfactory. Sometimes its just like chipsmore (now you see – now you don't), "*sekejap ada, sekejap tak ada*". We have towers but not equipped with the relevant equipments and gadgets. I wish to appeal to the Ministry of Utility to investigate the source of problems that contribute to this problem and offer solutions to solve it.

Plight of the "Pengusaha Kereta Sewa"

Tuan Speaker, the initiative by the State Government to introduce of RM1 bus services at Tebedu by City Public Link Bus Service and many other areas is a commendable effort and an initiative praiseworthy. It encourages the public to utilise public transport. However, the *kereta sewa* operators who ferry the passengers from Tebedu to Serian felt the pinch and are affected due to this initiative because this initiative also benefits the foreigners who enter Sarawak through Tebedu and enjoy this initiative that are meant for locals.

As such, I would like to appeal to the Ministry of Transport to study the modus operandi and system so that this initiative will not jeopardise the income of the *kereta sewa* operators and at the same time benefit the locals and not the foreigners. The fourth issue,

Rabies Infection

Tuan Speaker, baru-baru ini saya telah menziarahi dua keluarga yang kehilangan ahli keluarga yang meninggal kerana jangkitan *Rabies*. Oleh itu, saya menggesa pegawai-pegawai IBET dan Pegawai Jabatan Veterinar untuk memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti imunisasi di sepanjang persempadanan Indonesia dan di seluruh kampung-kampung di kawasan DUN Tebedu ini.

Yang kelima, Tuan Speaker, Borneo Highlands Resort is in the heart of Bidayuh hinterland, and a stone throw away from Kuching City. It has been recognized with as tourist destination ever since its' inception in the early days. It will be a high time for the Government to further explore its potential as a more vibrant tourist centre just overlooking our brothers and sisters in Kalimantan Barat, Indonesia. This ever-growing popular spot. I sincerely hope and wish our GPS Government to consider, to upgrade its facilities such as to build a theme park, luxurious living centre or even a nature loving popular centre. This will spur the economics of those living nearby and create more jobs to the locals.

Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong sepenuhnya usul penghargaan ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak sempena pembukaan Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-19. Dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua guru, tanpa guru siapalah kita dan siapalah saya. Selamat Hari Ibu, Selamat Hari Jururawat. Selamat Hari Raya dan juga Selamat Hari Gawai kepada semua rakan Dayak yang meraikan Hari Gawai. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Honourable Member for Tellian.

YB Encik Royston bin Valentine: Terima kasih Tuan Speaker, salam sejahtera, salam damai dan salam Sarawakku Sayang. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan usul penghargaan atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak bagi sidang DUN kali ini. Kita amat menghargai keprihatinan dan kepimpinan TYT Tun

yang sejak sekian lama mempunyai pandangan jauh ke hadapan untuk memajukan Sarawak Ibu Pertiwi, tambahan dengan kekuatan Kerajaan GPS yang stabil diterajui oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak. Menjamin kestabilan, kemakmuran dan kegemilangan Sarawak adalah keutamaan Kerajaan GPS untuk memastikan wilayah Sarawak ini terus berkembang maju dengan penjana pendapatan tahunan yang memberangsangkan, bagi tahun kewangan 2022 berlaku peningkatan pendapatan sebanyak 17% daripada 10.2 bilion kepada 11.9 bilion. Ini jelas membuktikan bahawa gerak kerja kerajaan sedia ada sekarang berada di landasan yang betul untuk sentiasa mengkaji dan meneliti pelbagai inisiatif sumber ekonomi baharu bagi terus meningkatkan hasil Sarawak.

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh perkara-perkara berkaitan kawasan saya di N.57 Tullian yang merupakan pusat pentadbiran Bahagian Mukah dan sebahagian besarnya masih lagi mencakupi kawasan luar bandar yang belum lagi mendapat kemudahan asas seperti bekalan air terawat, elektrik dan jalanraya apatah lagi rangkaian telekomunikasi. Perkara-perkara ini sudah pasti amat memerlukan perhatian dan tindakan sewajarnya pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang telah diberi tanggungjawab ke atasnya.

Pendidikan

Perkara pertama adalah berkaitan dengan Pendidikan. Pendidikan merupakan asas kepada penentuan masa depan anak bangsa kita. Oleh itu dalam memastikan aspek pendidikan sentiasa diberi keutamaan, beberapa perkara penting amatlah perlu diambil berat bermula dari persekitaran pembelajaran, kemudahan sekolah dan pengisian jawatan pengurusan di peringkat sekolah terutamanya pengetua dan guru besar.

Sekolah Daif

Secara keseluruhannya di Sarawak ini, masih terdapat banyak sekolah yg memerlukan bantuan baik pulih mahupun bina baru khususnya dari segi kemudahan fizikal seperti bilik kelas, makmal, dewan, gelanggang permainan, padang dan kemudahan-kemudahan lain. Sebanyak 455 buah sekolah di Sarawak dikategorikan sebagai sekolah daif manakala 113 buah lagi akan dirobuhkan untuk dibina semula seperti yang dilaporkan oleh Utusan Malaysia semasa lawatan Menteri Pendidikan Malaysia ke SK Lepong Ajai, Miri pada penghujung Januari 2023. Saya huraikan dalam skop yang lebih kecil dan berfokus kepada Daerah Mukah, bagi sekolah-sekolah di Daerah Mukah.

(a) Keadaan Fizikal Kelas

Keadaan fizikal kelas daripada 33 buah sekolah, 29 buah Sekolah Rendah dan empat buah Sekolah Menengah. Lapan daripadanya adalah sekolah daif bagi sekolah rendah dan dua masih lagi di bawah kategori daif bagi Sekolah Menengah. Sekolah Menengah ini adalah SMK Three Rivers dan SMK St. Patrick Mukah. Dalam masa yang sama apabila berlaku keadaan yang tidak, sekolah daif seperti ini masalah kelas terlalu padat pula timbul sehingga 40 hingga ke 50 orang pelajar orang pelajar dalam satu kelas berlaku di SMK Mukah dan SMK Three Rivers.

(b) Kemudahan Sekolah (33 buah SK/ SMK):

Yang kedua berkaitan dengan kemudahan sekolah, daripada 33 buah sekolah, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah hanya ada 17 sekolah yang Padang sekolah dan 15 tidak ada padang. Berlaku kehilangan kemudahan padang sekolah ekoran daripada pembangunan fizikal sekolah yang terpaksa mengorbankan padang, setakat ini 15 buah sekolah berkenaan tidak mempunyai padang. Untuk Sekolah Menengah hanya padang SMK Mukah sahaja yang masih wujud namun tidak dapat digunakan sepenuhnya. Padang SK Mukah juga menghadapi masalah yang sama.

Ketiadaan padang ini sangat menyulitkan pihak sekolah mengadakan aktiviti kokurikulum dan terpaksa menyewa fasiliti daripada agensi lain. Ini menyebabkan kos pengurusan bertambah. Tambahan pula bajet pekepala tahunan untuk aktiviti pelajar di sekolah yang diberi oleh pihak kementerian pendidikan masih di kadar yang sangat rendah dan tidak bertepatan dengan keperluan sekolah-sekolah di Sarawak ini khususnya.

Pengisian Jawatan pengurusan sekolah

Kekosongan Jawatan pengurusan tertinggi di peringkat sekolah perlu diisi dengan segera, berikut adalah senarai sekolah yang masih lagi tiada pengetua dan guru besar. Di Daerah Mukah, kekosongan Pengetua adalah di dua buah sekolah iaitu SMK St. Patrick dan SMK Mukah. Kekosongan Guru Besar pula di lima buah sekolah iaitu:

- (a) SK Sg. Penipah;
- (b) SK Kuala Balingian;
- (c) SK Penakub Ulu;
- (d) SK Sungai Duan; dan
- (e) SJKC Chung Hua.

Manakala, di Daerah Dalat pula kekosongan Pengetua adalah di sebuah sekolah iaitu di SMK Batang Igan. Kekosongan Guru Besar di lima buah sekolah di SK Sungai Rasau, SK Kampung Bungan, SK St Luke, SK Kampung Tanam dan SJKC San San. Masalah-masalah ini memberikan impak buruk kepada murid dan pelajar terutamanya dari segi rekod kehadiran ke sekolah di mana Sarawak mencatat peratusan kehadiran ke sekolah yang menurun terutamanya selepas pandemik COVID-19.

Tuan Speaker, data-data ini saya dapatkan dari Biro Pendidikan Mukah yang memainkan peranan penting sebagai *think tank group* pembangunan pendidikan di kawasan Tellian sekaligus membantu pihak Pejabat Pendidikan Daerah Mukah dan Dalat dari sudut sokongan aktiviti akademik mahupun ko-kurikulum.

Pertanian

Pertanian adalah salah satu sektor penting dalam mengembangkan sosioekonomi masyarakat setempat terutamanya di kawasan perkampungan. Selain dari tanaman rumbia dan sawit yang ditanam secara konvensional, pada masa kini kaedah pertanian moden seperti fertigasi dan hidroponik semakin popular dikalangan penduduk sebagai sumber pendapatan utama malahan ada yang menjadikannya sebagai sumber pendapatan sampingan. Di Daerah Mukah wujud beberapa kumpulan yang mengusahakan kebun fertigasi cili sejak beberapa tahun yang lalu sehingga mendorong kumpulan ini menubuhkan Persatuan Pengusaha Tanaman Fertigasi dan Hidroponik Bahagian Mukah untuk mengumpulkan pekebun-pekebun fertigasi dan hidroponik ini supaya mereka dapat membantu antara satu sama lain dan memperkasakan pertanian moden ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah pelan tindakan dan strategi pihak kementerian untuk membantu golongan pekebun kecil dan sederhana dalam memasarkan hasil pertanian mereka memandangkan wujudnya persaingan dengan hasil pertanian yang diimport seperti cili serta hasil-hasil pertanian lain juga? Apakah kaedah, skim-skim bantuan, pinjaman, latihan yang ditawarkan oleh pihak Kementerian kepada golongan berkenaan untuk mengembangkan pertanian mereka sekaligus membantu diperingkat pemasaran bagi mengelakkan lambakan hasil pertanian? Secara ringkasnya hasil pertanian tidak laku lah.

INFRASTRUKTUR ASAS

Bekalan Elektrik

Bekalan elektrik sistem talian grid di kawasan Tellian di bawah pentadbiran Daerah Mukah mencapai 89.61% kawasan yang sudah dibekalkan elektrik, ini tidak termasuk kawasan Tellian dibawah kawasan pentadbiran Daerah Dalat dan Selangau yang mana kawasan Nanga Baoh masih lagi menggunakan genset yang memakan kos bulanan minyak genset mencecah ratusan ringgit. Sambungan elektrik bagi rumah perseorangan kampung dan rumah bantuan Kerajaan seperti PPRT juga mengalami masalah tersendiri. Oleh itu, saya mohon agar dipercepatkan projek-projek bekalan elektrik dibawah Skim ALAF dan SARES.

Bekalan Air Terawat

Bagi kawasan DUN Tellian yang berada dibawah pentadbiran Daerah Mukah, hanya 37.66% daripada keseluruhan kawasan yang mendapat bekalan air terawat. Oleh itu, saya ingin tahu apakah status pelaksanaan projek pembekalan air terawat yang telah diluluskan sebelum ini di kawasan Lubok Bemban dan Bukit Inkerbai dibawah kawasan pentadbiran Daerah Mukah dan apakah status permohonan bekalan air terawat di kawasan Ulu Baoh, Dijih, Sebakong, Ulu Sebakong dan Nanga Sikat?

Projek SAWAS di kawasan Nanga Baoh Pada 3 Mei 2023 yang lepas, awal bulan ini saya bersama Pegawai dari Pusat Khidmat Parlimen, daripada Pejabat Daerah Dalat dan Pejabat Land and Survey Mukah telah pun melawat ke kawasan Nanga Baoh yang mengambil masa hampir 3 jam perjalanan menyusuri Batang Oya. Terdapat 10 buah rumah panjang di kawasan ini dan sudah pasti apabila disebut kawasan pedalaman, maka tiadalah kemudahan asas yang dinikmati oleh penduduk di sekitarnya. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Sarawak di atas inisiatif Projek SAWAS (*Sarawak Alternative Water Supply*) di bawah Kementerian Utiliti yang dilaksanakan di kawasan ini. Walau bagaimanapun, sayang seribu kali sayang projek yang amat bermanfaat untuk rakyat ini, walaupun sudah siap sepenuhnya tetapi ia tidak berfungsi dengan baik.

Malahan ada di antara kemudahan ini hanya dapat digunakan beberapa bulan sahaja selepas siap. Oleh itu, saya mohon kepada agensi bertanggungjawab untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap isu ini dengan kadar segera. Rumah panjang yang terlibat di kawasan ini adalah Rumah Balin, Rumah Duah, Rumah Bala, Rumah Tulu, Rumah Langit, Rumah Abus, Rumah Buan, Rumah Iman, Rumah Changgai dan Rumah Lawai. Kesian mereka di kawasan pedalaman ini yang amat memerlukan pembangunan terutamanya dari segi bekalan infrastruktur asaslah, kemudahan asas seperti air.

Jaringan Jalan Raya

Sebahagian kawasan Tellian terutamanya di kawasan Nanga Baoh & Nanga Dijih masih belum mendapat akses jalan raya, manakala di kawasan Jalan Tingkas Sebakong, Jalan Inkerbai, Jalan Lubok Bemban dan Sungai Tajam, Lubok Babi pula sering ditenggelami air. Apakah perancangan Kerajaan untuk menaik taraf jalan-jalan ini memandangkan kawasan tersebut sentiasa terputus hubungan hanya akibat air pasang besar apatah lagi apabila berlaku bencana banjir? Manakala bagi jaringan jalan perhubungan desa di Kampung Tellian Ulu, Kampung Tellian Tengah, Tellian Tradisi, Tellian Laut, Sg. Pegei, Kpg. Pinang, Kpg. Datuk, Kpg. Penakub Permai, Kampung Petanak, Kampung Judan, Kampung Penat dan Jalan Muhibah Kuala Lama amatlah perlu untuk dilebarkan memandangkan timbulnya risiko keselamatan apabila jalan sempit ini dilalui oleh kenderaan yang banyak dalam satu-satu masa. Apabila disebut jalan raya, maka sistem saliran ataupun parit akan saling berkait. Oleh itu, saya mohon juga dinaik taraf sistem perparitan di kawasan Skim Penempatan Semula Kuala Lama dan pasar Lama Mukah yang tidak teratur dan sering mengakibatkan air bertakung dan berisiko banjir ketika musim hujan banjir kilat.

Kemudahan Sukan dan Rekreasi

Tuan Speaker, perkara keempat berkaitan dengan kemudahan sukan dan rekreasi. Apakah status terkini cadangan projek pembangunan Fasa Kedua Stadium Mukah yang merangkumi *Indoor Stadium*, kolam renang dan lain-lain kemudahan yang berkaitan seperti yang dicadangkan dalam *master plan* Stadium Mukah yang terdahulu. Mukah adalah sebuah Bahagian yang amat luas dan amat memerlukan kemudahan sukan yang lengkap untuk menampung keperluan penggunaan orang awam malahan penganjuran aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi oleh agensi kerajaan mahupun kelab persatuan yang ada. Satu-satunya Dewan Sukan tertutup awam yang ada di Daerah Mukah di bawah kendalian SSC masih belum dapat digunakan atas sebab kerosakan di beberapa bahagian utama seperti bumbung dan permukaan gelanggang yang usang walaupun sudah diperbaiki selepas digunakan sebagai PKRC semasa pandemik COVID-19 yang lepas. Saya mohon agar dewan sukan tertutup sedia ada ini diperbaiki segera.

Perkhidmatan Kesihatan

Setiap kali sesi persidangan DUN, sudah pasti kita ada mendengar keluh kesah setiap wakil rakyat di kawasan bandar kecil, pekan dan luar bandar berkaitan isu perkhidmatan kesihatan. Hospital Mukah tidak terlepas dari dibelenggu masalah-masalah terencil berbanding masalah yang semua sedia maklum seperti penempatan doktor pakar dan naik taraf kemudahan perubatan. Masalah terencil yang saya maksudkan adalah dari sudut perjawatan dan kemudahan asas hospital seperti perabot yang dah usang dan tidak mencukupi. Dari aspek perjawatan, Tuan Speaker, daripada 11 orang *medical officer* yang sepatutnya ditempatkan di Hospital Mukah, hanya enam orang sahaja yang ada ketika ini oleh sebab pegawai yang berpindah tidak digantikan malahan ada yang dipindahkan dan ada juga yang keluar untuk melanjutkan pelajaran. Ini tidak mencukupi untuk menampung jumlah pesakit yang masuk ke Hospital Mukah.

Dicadangkan juga agar ada penambahan jururawat memandangkan jumlah sedia ada tidak mencukupi untuk menampung kenaikan jumlah pesakit yang dimasukkan ke wad sehingga ada jururawat yang terpaksa bekerja *double shift* apabila ada dalam kalangan rakan mereka mengambil cuti atau cuti bersalin terutamanya, manakala, perabot di wad dan bilik pemeriksaan serta kelengkapan sedia ada ketika ini kebanyakannya sudah uzur dan sering tidak berfungsi dengan baik sekaligus menjejaskan perkhidmatan yang diberikan.

Selain itu, pihak hospital Mukah juga memerlukan dua unit *ultrasound machine* untuk kegunaan di Unit Kecemasan dan Jabatan Pesakit Luar yang dianggarkan berharga RM150,000 sehingga RM200,000 seunit. *Ultrasound machine* sedia ada pun sudah sakit, dianggarkan sudah digunakan hampir 30 tahun. Setiap kali ingin menggunakan mesin ini, terpaksa tepuk-tepuk dulu, ketuk-ketuk dulu, baru boleh *on*. Jadi, ini sangat kritikal. Kita tidak boleh mengambil ringan hal-hal berkaitan perkhidmatan kesihatan ini. Tindakan sewajarnya perlu di ambil. Kalau perlu Kerajaan Negeri untuk bantu dulu, kita bantu. Kalau nak tunggu Kerajaan Persekutuan ambil tindakan sudah pasti memakan masa.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan masalah perkhidmatan kesihatan Mukah untuk jangka masa panjang, apakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina Poliklinik di Mukah atau untuk lebih fokus kepada perkhidmatan kepada pesakit luar agar hospital sedia ada dapat dijadikan sebagai hospital yang dilengkapi doktor pakar dengan kelengkapan kemudahan kesihatan yang dinaiktaraf. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana akan menempatkan doktor pakar bahagian *Obstetrics and Gynaecology* secara tetap di Hospital Mukah bermula bulan Oktober tahun ini. Terima kasih kepada pihak Kerajaan.

Klinik Komuniti Mukah

Pasar Mukah memiliki sebuah Klinik Komuniti yang terdahulunya dikenali sebagai Klinik 1 Malaysia dan mungkin selepas ini akan dinamakan Klinik Madani. Tak kisahlah apa nama klinik

berkenaan, apa yang penting adalah perkhidmatannya menepati keperluan rakyat di kawasan ini. Masalah yang berlaku di Klinik Komuniti ini adalah waktu operasinya yang amatlah tidak bertepatan dengan keperluan penduduk. Klinik ini mula beroperasi pada jam 11 pagi sehingga 8 malam. Penduduk yang datang dari rumah panjang dan perkampungan yang agak jauh dari pasar biasanya akan datang awal pagi untuk membuat pemeriksaan ringan seperti memeriksa tekanan darah dan datang untuk rawatan penyakit tidak berjangkit (NCD). Mereka perlu bergegas balik sebelum tengah hari kerana ada dalam kalangan mereka menumpang orang lain dan menaiki kereta sewa dan perjalanan balik sudah pasti mengambil masa.

Maka dengan itu, amatlah perlu diselaraskan semula waktu operasi klinik berkenaan sesuai dengan keperluan penduduk di kawasan ini. Dicadangkan waktu operasi yang sesuai adalah dari jam 9 pagi hingga 6 petang seperti pada permulaan klinik ini dibuka. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengajak Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Sibuti untuk membuat lawatan kerja ke Hospital Mukah dan Klinik Kesihatan Mukah untuk membantu menyelesaikan masalah ini di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Pembangunan Fizikal

Tuan Speaker, terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Premier di atas inisiatif penubuhan *Rajang Delta Development Agency (RADDA)* untuk memacu pembangunan di Bahagian Mukah secara keseluruhannya. Penubuhan agensi ini sudah pasti akan memangkin pembangunan di kawasan Tellian khususnya dan seluruh Bahagian Mukah amnya. Sebanyak tiga projek utama yang saya cadangkan dibawah RADDA ketika ini dan tambahan dua projek turut dicadangkan oleh Ahli Parlimen Mukah yang juga akan dibangunkan di dalam kawasan DUN Tellian iaitu:

- (a) Projek Pemuliharaan Tebingan Batang Mukah antara Sg. Penakub dan Sg. Tellian. Ini projek yang sudah sekian lama tidak terlaksana;
- (b) *New Mukah Integrated Market & Supporting Facilities Project*, di Kawasan Pasar Lama Mukah;
- (c) Projek Pengawalan Hakisan Pantai Petanak, Daerah Mukah;
- (d) Projek Terminal Perikanan Mukah Fasa 1; dan
- (e) Projek Bina Baharu Dermaga Komersial Mukah yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen Mukah.

Saya berharap agar projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan lancar sehingga siap dan saya menagih komitmen serta kerjasama erat setiap agensi teknikal yang terlibat bagi menjayakannya. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier di atas kelulusan Projek Waterfront Mukah yang diumumkan semasa Majlis Perasmian Pesta Kaul Mukah pada 29 April 2023 yang lepas. Terima kasih Yang Amat Berhormat Premier.

Pelaksanaan Rural Transformation Project (RTP)

Tuan Speaker, pelaksanaan *Rural Transformation Project (RTP)* adalah alternatif terbaik dan berkesan yang diilhamkan oleh Kerajaan Sarawak untuk pelaksanaan segera pelbagai projek berskala kecil dan sederhana terutamanya di Kawasan pedalaman. Namun, berlaku beberapa masalah di peringkat perancangan mahupun peringkat pelaksanaan yang perlu sentiasa ditambahbaik.

Kekurangan kakitangan terutamanya tenaga pakar di agensi teknikal seperti JKR, DID dan Majlis Daerah menjejaskan proses reka bentuk dan penyediaan BQ yang mengambil masa agak lama tambahan pula dengan lambakan projek tahun sebelumnya yang dikategorikan sebagai projek sakit dan belum bermula atas sebab masalah teknikal secara langsung telah mengganggu perancangan pembangunan di sesebuah kawasan. Oleh itu, saya mohon agar tindakan diambil

untuk menambah bilangan kakitangan termasuk tenaga pakar di agensi teknikal berkaitan. Saya juga mohon agar jawatan Pegawai Daerah Mukah diisi segera kerana sudah lebih dua tahun jawatan ini kosong.

Manakala, di peringkat pelaksanaan pula timbul masalah kontraktor yang tiada integriti mendatangkan masalah besar kepada perancangan pembangunan secara keseluruhan. Wujud kontraktor yang menggunakan lesen orang lain yang berada dibawah kawalan mereka, bukan dua atau tiga, malahan seorang kontraktor memegang jumlah lesen yang banyak agar berpeluang besar untuk berjaya dalam proses cabutan undi projek-projek RTP. Malangnya, apabila beberapa lesen dibawah kendalian beliau berjaya dalam cabutan undi dalam tahun yang sama, masalah timbul untuk melaksanakan projek-projek berkenaan yang pada akhirnya akan menjadi Projek Sakit dan akhirnya menyusahkan semua pihak. Tindakan keras dan sewajarnya mesti di ambil terhadap kontraktor yang tidak berintegriti ini. Selain itu, saya juga menyokong cadangan Daro semalam dan rakan-rakan lain untuk menaikkan jumlah peruntukan tahunan RTP dari RM5 juta kepada RM7 juta bagi meningkatkan lagi momentum untuk pembangunan kawasan luar bandar khususnya.

Perikanan

Tuan Speaker, 39 saat lagi. Sektor perikanan adalah salah satu sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi penduduk di Mukah bermula dari nelayan sungai hinggalah kepada nelayan laut. Tidak dinafikan golongan nelayan ini mendapat pelbagai bantuan dari pihak Kerajaan namun golongan ini akan menghadapi masalah apabila tiba musim tengkujuh. Oleh itu, saya ingin tahu apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri terutamanya untuk membantu golongan nelayan ini?

Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan adalah agenda penting dalam sesebuah negara bagi menjamin masa depan yang lebih baik dan menyediakan pemimpin pelapis di masa hadapan bagi sesebuah Kerajaan. Oleh itu, segala percubaan mahupun gejala sosial yang tidak sihat yang boleh menghancurkan masa depan golongan ini haruslah dicegah awal. Gejala penyalahgunaan dadah dan judi atas talian semakin membimbangkan. Oleh itu, sekali lagi di dalam sidang kali ini, saya memohon kepada pihak bertanggungjawab untuk terus teguh bersama bagi membanteras masalah ini demi masa depan anak bangsa kita yang lebih baik.

Akhir kata, Selamat Menyambut Ulang Tahun Ke-60 Sarawak Merdeka, Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Selamat Hari Gawai, *Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menoa.*

Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong penuh Usul Penghargaan atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Semoga Tuhan Allah memberkati segala usaha kita semua. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Honourable Member for Tamin.

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: Tuan Speaker, thank you for giving me the opportunity to participate in this Honourable august House on debate Motion of Appreciation on the speech addressed by the Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud on 15th May 2023.

First of all, congratulations to the Yang Amat Berhormat of Prime Minister, Dato' Seri Anwar Ibrahim on his appointment in leading to the unity Government. It is our hope that the new Government will bring greater stability in terms of economy, social and politics.

Tuan Speaker, under this unity Government, it is my hope that the issues of health and education autonomy under MA63 would be resolved faster and to be given to Sarawak. It is about time we retrieve our rights based on MA63 and the Inter-Governmental Committee Report, 1962.

However, to make full use of these rights, once Sarawak has full control of them, we require funds from the Federal Government as health and education take up a huge chunk from the national budget. It would benefit the Federal Government as well as the responsibility will be borne by Sarawak and reduces the burden on them.

I would like to congratulate the Sarawak Government for successfully forming private schools, universities and technical institution especially under the Yayasan Sarawak International School, specifically chosen students, based on their education merits, without considering the financial background of the student, while adopting the quality, Cambridge syllabus. As Sarawak will be celebrating its 60th Independence, we have achieved many milestones and our theme for this occasion “*Sarawak Maju Makmur*” is benefitting where we reported increase in revenue, political stability and social.

The various agencies namely RASDA, URDA, RADDA (Rajang Delta Development Agency), SADA (Sri Aman Development Agency), HDA (Highland Development Agency) and so on are formed to focus the speed of infrastructure development especially in rural areas. This is in line with the Government vision and mission to be a developed State by 2030.

I am glad to hear that Yang Amat Berhormat Premier has approved of the RASCOM Development Agency (RASDA) with an allocation of RM1.5 billion. RASDA covers the areas Machan, Ngemah, Tamin and Kakus to focus on the socioeconomics through the sustainable economic activities. Hence, on behalf of the other constituencies involved, I hereby request Yang Amar Berhormat Premier, to speed up the implementation of RASDA by obtained approval from the State Cabinet.

Resort and Theme Park

Tuan Speaker, now I want to touch on resort and theme park. The State Government may give full consideration to build resort and theme park on the forfeited three parcels of land meant for development of the Borneo Highlands Resort. Undeniably, certain individuals and groups will oppose to these efforts by posing negative view of casino or gambling den, but we must balance the view and looking at the benefits of theme park resort to Sarawak such as golf course, playground, retail outlets, hotels, animal safari, convention centre and so on. And that is creating job and business opportunities and increase revenue and tax to the Government.

If the Borneo Highlands Theme Park Resort is materialise and I hope it will, the second Malaysian Highland Theme Park after the Genting Highlands Resort in Pahang must not only be a guaranteed tourist draw for high rollers in the region, it must also be a beacon to advertise the social tolerance, moderation and harmony that Sarawakians want to be a project to be to the rest of the country and the world.

Boutique Airline

Tuan Speaker, now talk about the boutique airline. In terms of tourism receipts for the first four months of 2023, Sarawak recorded RM3.2 billion where RM930.29 million was recorded in the month of April alone. This is a positive outcome for the economy and of course for the people of Sarawak. Recently, the Prime Minister has agreed with Sarawak's boutique airline proposal. The proposal can help stabilise air fares, provide a healthy competition with the other airlines and help generate income for the State through the export of agricultural products while meeting the demand for individual travel and tourism.

The question now is how do we maintain and sustain the huge number of visitors to Sarawak? Are we already to satisfied with what we have already offered, or we step up our game to another level to attract more of both local and foreigners to visit Sarawak? It is my hope for this plan to be transparent to the public and economically feasible to the State.

Tuan Speaker, as of now, NCR land gazetted under Section 6 with Provisional Lease (PL) issued for the purpose of JV development with private companies. If there is no further development carried out on this land, NCR landowners are not able to apply for Section 18 in view that PL has been granted to respective JV companies. This problem is faced by many in my Tamin's constituency.

Hereby, I seek the Government approval to revoke the PL granted should be the land is left undeveloped within a certain number of years for example after five years despite the PL has been given to the JV companies. By revolving the PL for the undeveloped land, landowners can apply theirs land to survey under Section 18 and land title can be issued to the rightful of the land owners.

Tuan Speaker, palm oil plantation is mainly a source of income for smallholders in my area. However, they are facing several problems mainly caused of pandemic COVID-19, namely:

- (a) Smallholders indicated that there are several collection centers in the areas such as Selangau but the price are different and much much below than market rate;
- (b) The increase price of fertilizers and weedkillers;
- (c) Shortage of labours;
- (d) Increase of transportation cost.

Like other industries, for example in construction industry, the Sarawak Government has given assistance and approved budget of RM800 million for the increase of construction material under Variation of Price (VOP). Hence, I appeal to the Government to give similar assistance or initiatives to look into these problems faced by the smallholders.

Tuan Speaker, "*Ilmu pada hari ini adalah teknologi pada masa hadapan*", kata-kata yang pernah diucapkan oleh Edward Teller, seorang Pakar Fizik yang menunjukkan bahawa teknologi sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman dan pengembangan ilmu. Sekolah-sekolah di Sarawak didapati menghadapi masalah kekurangan mengajar dalam Bahasa Iban berbanding guru subjek lain. Kekurangan tenaga guru untuk mengajar mata pelajaran tersebut kritikal dan perlu diatasi segera.

Berdasarkan hasil kajian yang telah dibentangkan pada tahun 2023, seramai 2100 orang guru Bahasa Iban diperlukan di sekolah rendah seluruh Sarawak dan 26 guru Bahasa Iban di sekolah menengah sebelum ini menjadi lebih kritikal apabila guru-guru yang berkhidmat sekarang bersara dalam tempoh terdekat. Kekurangan guru dalam subjek Bahasa Iban akan menjadi isu kritikal dalam pendidikan sekiranya gagal diselesaikan secara komprehensif oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Kebimbangan ini pernah disuarakan oleh Presiden Kesatuan Guru Bumiputra Sarawak (KGBS). Keperluan tenaga bahasa Iban di sekolah rendah atau sekolah menengah di Sarawak adalah amat diperlukan dan ia di tahap kritikal. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia diharapkan dapat mengambil langkah menangani isu kekurangan guru bahasa Iban dengan secepat mungkin.

Justeru, dengan izin Dewan yang mulia ini saya mengemukakan tiga cadangan:

- (a) KPM dapat menambahkan jumlah pengambilan guru-guru Bahasa Iban di Sarawak dan diberi latihan sewajarnya di institusi-institusi pendidikan guru sedia ada sejajar dengan tarafnya yang sudah diiktiraf;
- (b) KPM perlu mengambil keutamaan kepada para graduan IPG dan graduan yang mempunyai ijazah perguruan dari institusi yang diiktiraf untuk mengisi kekosongan tersebut; dan
- (c) Pada masa yang sama KPM juga harus mengambil bilangan guru pelatih Bahasa Iban dalam setiap pengambilan ke IPG sekurang-kurangnya 100 orang pelatih setiap tahun sehingga isu kekurangan guru Bahasa Iban ini diselesaikan.

Bahasa Iban harus diberi keutamaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia memandangkan bahasa itu sudah diiktiraf di peringkat tinggi dalam sukatan pelajaran di Negara ini. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, ia dibimbangi akan menjejaskan usaha untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Iban di kalangan generasi muda.

Bahasa Iban bukan lagi bahasa etnik untuk kegunaan dan dituturkan oleh komuniti Iban semata-mata tetapi sudah berkembang menjadi salah satu bahasa yang dimiliki dan dapat dipelajari rakyat secara keseluruhan. Ini bukan sahaja sebagai sebuah bahasa *mother tongue* tetapi sebagai sebuah budaya dan memastikan bahasa itu terus terpelihara.

Tuan Speaker, this is an impending issue with regards to the police administration for the people of Selangau. Selangau has two police stations namely Balai Polis Selangau and Balai Polis Stapang. Balai Polis Stapang dan Balai Polis Selangau, if there are any matters will be referred to Police Headquarters Dalat and Mukah respectively. This is inconvenient and confusing to the public. Therefore, it would be really helpful if Selangau is given its own Police Headquarters to manage its administrative duties and roles.

Water Supply

Tuan Speaker, there has been a huge delay on construction of water supply in Stapang/ Sekuau area despite that budget approved under Federal Government amount of RM117 million. It aims to upgrade the existing water treatment plant in Stapang and lay the pipeline to areas such as Sekuau, Oya Pakoh, Jalan Ng. Tajam, Batang Oya, Batu 36 up to Jalan Kua Ulu Mukah. Hence, I request the State Government to take up this project in view of the dire needs of the people. Bear in mind this year we are celebrating our 60th year independence, we cannot afford to wait further longer for our community to be served with treated water supply.

Projek Sakit

Tuan Speaker, Selangau Mini Sport Complex. This project was awarded to the contractor in February 2020 then abandoned because of the COVID-19 pandemic. And now this project become eye sore to the public. Needless to say, it reflects a bad image to the Government of the day for the non-completion project. I hereby request the State Government to relook into reviving the project immediately.

Education

Tuan Speaker, at the moment, staff of Pejabat Pendidikan Daerah Selangau are renting an office at shophouse in Selangau Town. To assist them, I would like to request approval of funds for the construction of the new Pejabat Pendidikan Daerah Selangau and quarters. Hopefully the Kementerian Pendidikan Malaysia can consider for the proposal, my request to build the new Pejabat Pendidikan di Selangau.

Electricity

About 90% in Selangau is covered by 24 hours electricity. However, for newly completed houses or long houses not having electricity. I proposed that SEB to provide under ALAF Scheme. This is because when applicants in the longhouses submit to SEB, SEB will do the necessary survey and cost estimates. Further on this, the *tuai rumah* informed by SEB that they have been requested to forward to respective state representative to pay for this installation. I think this is not correct approach, the cost of installation should bear by the Government under ALAF, not YB.

Selangau Town

After the completion of the Pan Borneo Road, there is no strategic access to Selangau Town junction. This encourages motorists to do an illegal turn to shortcut the distance. Therefore, I

proposed to Government for new access road to Selangau Town. As further noted, the town is now very crowded especially during the peak period. I appeal for local council to provide special parking lot or rest stop for heavy vehicles for safety and also to ease the traffic.

Klinik Desa

In Selangau, there are only four doctors where currently it has a shortage of medical officers or doctors to treat about 20,000 population in Selangau, where the ratio of doctors to patients is one doctor to treat 5000 people. I ask the Government to increase the number of doctors by transferring some doctors from other regions to Selangau. I also request for the Government to speed up construction of the haemodialysis centre in Selangau.

Conclusion

Tuan Speaker, for this I wish to support the TYT's address in this august House on 15th May 2023. To conclude my speech, I would like to wish Selamat Hari Raya to all Muslims, Selamat Hari Wesak to all Buddhists, Selamat Hari Guru to all the teachers, and Selamat Hari Gawai to all Dayaks, *Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menoa, Bertuah Berlimpah* and happy holidays to everyone. Thank you.

Tuan Speaker: Honourable Member for Serembu.

YB Encik Miro anak Simuh: Terima kasih Tuan Speaker. Salam sejahtera, tabik biasa dan Salam Sarawakku Sayang.

Terima kasih kerana sekali lagi diberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan ucapan penghargaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang dirungkai dengan penuh makna dan beragendakan kepentingan Sarawak demi memenuhi hasrat dan perjuangan dalam memartabatkan kedudukan Sarawak di negara Malaysia ini. Ucapan tuan Yang Terutama Tun menyentuh jelas peranan dan kedudukan Sarawak dalam Kerajaan Persekutuan. Semoga setiap bait ucapan Tuan Yang Terutama Tun menjadi asas dan iktibar perjuangan kita demi Sarawak.

Pada kesempatan ini juga saya merakamkan sekalung tahniah dan syabas buat Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan barisan kabinet beliau yang telah memacu Sarawak ke satu tahap yang kita kagumi, bahkan disanjung oleh kebanyakan Negeri-Negeri lain di Malaysia. Dalam jangka masa yang singkat, kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier telah mengubah secara drastik lanskap pembangunan di bumi Sarawak yang mencakupi pembangunan infrastruktur, pembangunan modal insan dan rohani, pembangunan pesat industri-industri pembuatan, perkhidmatan, perdagangan, pertanian dan lain-lain. Perancangan dan pelaksanaan polisi-polisi Sarawak dilihat penuh teliti, berpandangan jauh dan menyeluruh selari dengan kepelbagaian yang kita miliki di bumi Sarawak ini. Contoh ketara dalam kita merealisasikan erti perpaduan dan kesaksamaan dalam kepelbagaian kita di Sarawak ialah penubuhan Unit Hal Ehwal Agama Lain (UNIFOR) yang merupakan satu-satunya unit yang sepertinya wujud di Malaysia yang memmanifestasikan bahawa Sarawak adalah lain daripada yang lain. Dengan peruntukan yang agak besar diperuntukkan kepada unit ini, membolehkan ia menjalankan tanggungjawab bagi membantu pembangunan begitu banyak rumah-rumah ibadat dan aktiviti-aktiviti ibadat di kalangan pelbagai agama anutan yang bukan Islam di Sarawak. Sesungguhnya kerukunan dan semangat kekeluargaan sesama pelbagai etnik dan suku kaum di Sarawak menjadi tiang ampuh dalam menjamin kita bergerak ke arah landasan yang betul.

Peranan besar yang dimainkan oleh Kerajaan GPS dalam membentuk dan menstabilkan Kerajaan Persekutuan pada PRU Ke-15 yang lepas, yakni dengan tertubuhnya Kerajaan Perpaduan menunjukkan dengan jelas, kita tidak hanya berkhidmat untuk rakyat Sarawak, tetapi juga kepada keseluruhan rakyat Malaysia secara amnya. Ucapan tahniah dan sekalung budi saya lafazkan buat Yang Amat Berhormat Dato Sri Fadillah Yusof, Ahli Parlimen Petra Jaya yang diangkat dan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Detik ini merupakan satu tinta sejarah penting buat negara kerana julung-julung kalinya pemimpin dari kalangan Ahli Parlimen dari Wilayah Borneo diangkat kedudukan sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Peranan besar inilah yang seharusnya kita gunakan untuk memastikan perjuangan kita memartabatkan Perjanjian MA63 disegerakan dan dikembalikan hak-hak yang termaktub di dalam perjanjian tersebut.

Pengenalan kepada *Post COVID-19 Development Strategy 2030* (PCDS 2030) merupakan satu polisi yang dirangka secara strategik bagi Sarawak mendepani cabaran-cabaran mendatang pasca COVID-19. PCDS 2030 menyediakan platform jangka panjang yang menggariskan arah tuju dan strategi-strategi yang secara menyeluruh untuk membawa Sarawak mencapai aspirasi Negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2030. Tujuh strategi utama yang diperkenalkan dalam PCDS akan menjadi teras penting pelaksanaan program-program pembangunan di Sarawak dan merencanakan pembangunan ekonomi secara keseluruhannya. Disebabkan itulah saya melabelkan Yang Amat Berhormat Premier sebagai pemimpin ulung berpandangan jauh dalam merencana dan mengurus Sarawak dengan acuan tersendiri tanpa terlalu bergantung kepada orang lain.

Tuan Speaker, satu lagi pencapaian terbaik bagi kami di sepuluh DUN iaitu DUN:

- (a) Opar;
- (b) Tasik Biru;
- (c) Tanjong Datu;
- (d) Serembu;
- (e) Mambong;
- (f) Tarat;
- (g) Tebedu;
- (h) Kedup;
- (i) Bukit Semuja; dan sebahagian
- (j) Balai Ringin

10 DUN tersebut ialah penubuhan *Greater Kuching Coordinated Development Agency* (GKCDA). Kami merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Premier yang telah berkenan meluluskan penubuhan agensi ini. Kami di sepuluh DUN ini yakin dengan penubuhan GKCDA dan peruntukan melalui agensi ini, ianya akan merencanakan lagi program-program pembangunan yang mencakupi pelbagai bidang demi memastikan kejayaan ini akan dikongsi bersama dengan rakyat di kesepuluh kawasan DUN ini. Sudah pasti GKCDA akan mengubah lanskap dan corak pembangunan di kawasan yang terlibat yang akhirnya akan memberi manfaat besar kepada rakyat dalam kita menggapai sasaran PCDS 2030. Saya nescaya dan percaya bukan sahaja GKCDA, akan tetapi kesemua Agensi Pembangunan Regional yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Premier akan menjadi katalis penting dalam perancangan pembangunan Sarawak secara keseluruhannya.

Mukadimah yang saya perelaskan tadi hanya sebahagian daripada kejayaan-kejayaan besar yang dilakar sepanjang lima tahun kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier. Ada puluhan, malahan ratusan lagi kejayaan-kejayaan lain yang tidak sempat dirungkaikan di sini. Maka jelas sekali dengan suasana politik yang stabil, kesepakatan jelas dalam parti pemerintah, diadun bersama kebijaksanaan dan iltizam tinggi pemimpin kita yang menjadikan Sarawak adalah wilayah terbaik dalam serba serbi perkara yang berlaku di Negara ini. Tahniah Yang Amat Berhormat Premier, tahniah Kerajaan Sarawak dan tahniah GPS.

Tuan Speaker, dalam menyediakan deraf ucapan saya pada persidangan kali ini, saya juga meminta pandangan dan maklum balas terutama sekali dari kalangan anak-anak muda yang dapat saya kongsi dan terjemahkan untuk mewakili mereka di dalam Dewan yang mulia ini. Di sini, saya ingin menyampaikan beberapa pandangan dan maklum balas daripada mereka untuk tindakan kita bersama.

Ramai di kalangan anak-anak muda kita berpandangan bahawa harga rumah di Sarawak terlalu tinggi. Ramai di kalangan golongan ini yang begitu ingin memiliki rumah tetapi terpaksa melupakan hasrat tersebut disebabkan ketidakmampuan kewangan mereka. Walaupun Kerajaan Sarawak, yakni satu-satunya Kerajaan Negeri di Malaysia yang memberi subsidi RM10 ribu untuk pembelian rumah pertama akan tetapi golongan muda ini masih tidak mampu atas dasar pembayaran bulanan yang tinggi. Justeru itu, kita menggesa kementerian yang bertanggungjawab untuk senantiasa bekerjasama dengan pemaju-pemaju perumahan agar diperbanyak pembinaan rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan golongan muda dan keluarga-keluarga muda ini dengan harga yang sekurang-kurangnya setara dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Kesamarataan dalam menikmati pembangunan dan kekayaan Sarawak. Jika masyarakat di bandar-bandar utama disajikan dengan pelbagai bentuk pembangunan moden seperti rangkaian pengangkutan yang efektif, jalinan jalan raya yang sempurna, perkhidmatan pendidikan, kesihatan, telekomunikasi dan jalur lebar dan lain-lain kemudahan disediakan dengan baik, maka mereka di kawasan luar bandar juga seharusnya mendapat perhatian yang serupa. Akan tetapi, kemudahan-kemudahan ini agak sukar untuk diperolehi di kawasan luar bandar. Justeru itu, dicadangkan agar Kerajaan dalam perkongsian kekayaan bersama ini, memberi baucer kewangan yang mungkin bernilai RM100 ataupun lebih kepada ketua isi rumah (KIR) yang berdaftar di luar bandar seperti di kampung-kampung dan rumah panjang-rumah panjang untuk meringankan beban pembelian keperluan harian mereka.

Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat berperanan besar mencari dan menyediakan pelapis-pelapis terbaik dalam memenuhi keperluan pasaran kerjaya di Sarawak. Umum mengetahui dengan amat jelas akan kecenderungan Kerajaan Sarawak untuk memberi tumpuan penuh akan pembangunan industri, terutama yang berkaitan dengan industri minyak dan gas, industri berat seperti di Samalaju, industri *hi-tech* dan elektronik di Sama Jaya dan banyak lagi industri-industri lain yang bakal muncul. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Sarawak perlu ada a *comprehensive talent development strategy* dalam kita membangunkan bakat-bakat baru industri yang mempunyai kualiti yang tinggi dan sesuai untuk diserapkan ke industri yang berkaitan. Pihak Kementerian perlu bekerja rapat dengan institusi-institusi pendidikan sedia ada dalam kita mengenalpasti pelajar-pelajar yang berpotensi untuk dibimbing dan diserapkan sebagai *best talent* yang sekali gus menjadi pemangkin untuk rakan-rakan mereka yang lain untuk mengikuti jejak mereka yang berjaya ini. Dengan adanya inisiatif seperti ini, kita juga akan dapat mengurangkan peratusan *brain drain* bila mana anak-anak Sarawak yang pandai, mempunyai iltizam dan berbakat besar ini, akhirnya kembali untuk berkhidmat di Sarawak tanah tumpah darahnya.

Tuan Speaker, pada tahun 2017 yang lepas, kami kesemua ADUN dari kawasan masyarakat Bidayuh bersama dengan Presiden Dayak Bidayuh National Association (DBNA) ada membuat kunjungan hormat kepada YAB Premier dan YB Timbalan Premier, ADUN Bukit Saban termasuk Pengarah *Land and Survey* Sarawak berbincang secara hati ke hati untuk menyelesaikan isu berkaitan tanah NCR di kawasan masyarakat Bidayuh. Ada beberapa intipati perbincangan tersebut dipersetujui secara bersama, antara lainnya setiap DUN yang diwakili oleh Bidayuh, pihak *Land and Survey* Sarawak akan melaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kawasan pengukuran untuk Seksyen 18 NCR yang perlu disiapkan dalam tempoh setahun. Akan tetapi, sudah memasuki tahun 2023, belum ada lagi pemilik-pemilik tanah yang diberi geran pemilikan. Sehubungan itu, saya memohon jasa baik pihak YAB Premier dan YB Timbalan Premier, agar *exercise* penyukatan ini dapat disegerakan dan kawasan yang dipilih untuk penyukatan juga telah dimaklumkan kepada pihak *Land and Survey* untuk tindakan selanjutnya.

Pemeriksaan Industri Bekalan Ternakan dan Keselamatan Bekalan Makanan

Sarawak dengan populasi dalam lebih kurang 3 juta orang merupakan *net importer* untuk bekalan makanan di wilayah ini. Dengan keluasan tanah sedia ada, peruntukan kewangan sedia ada, kepakaran sedia ada dan atas dasar untuk menjamin pengeluaran makanan kita sendiri, tidak mustahil, suatu hari nanti, atau mungkin dalam masa yang terdekat ini, Sarawak akan keluar dari gelaran *net importer* ke *net exporter* untuk bekalan makanan di rantau ini. Apa yang perlu kita

lakukan ialah penggembleran usaha dan tenaga secara bersama di antara Kerajaan dan pemain-pemain industri agar aspirasi dan niat ini akan menjadi realiti suatu masa nanti. Akan tetapi, dewasa ini kita berdepan dengan situasi yang tidak menentu berkenaan bekalan makanan dan juga harga bekalan makanan yang melambung tinggi.

Sebagai contoh ketara, bekalan daging untuk Sarawak memang berada pada tahap kritikal dengan harga daging yang begitu mahal di pasaran. Harga daging lembu, daging khinzir, daging kambing, semuanya mahal di pasaran dewasa ini. Dalam masa dua (2) minggu lagi masyarakat Dayak akan menyambut Hari Gawai, saya tidak dapat membayangkan harga daging khinzir di pasaran semasa perayaan Hari Gawai ini nanti. Sebelum diserang *African Swine Flue* (ASF) baru-baru ini, harga sekilo daging khinzir hanya dalam RM24.00 atau RM25 sekilo. Sekarang harga daging khinzir melonjak sehingga RM35 ke RM40 sekilo.

Begitu juga dengan rakan-rakan kita yang beragama Islam yang bakal akan menyambut Hari Raya Aidiladha nanti dalam bulan Jun ini, harga seekor lembu setakat yang saya tahu hari ini, bakal mencecah RM8,000 seekor, yang mungkin beratnya dibawah 300kg.

Disebabkan itulah saya mengambil inisiatif untuk mewujudkan Ladang Lembu Pedaging Berkelompok di Kampung Merembah, Bau sebagai projek perintis ladang komuniti di Sarawak. Seluas 60 ekar tanah NCR milik orang kampung, dengan 27 peserta telah dibersihkan dan ditanam dengan rumput napier, sebagai persediaan makanan ternakan lembu tersebut. Setelah diumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM500 ribu untuk pembinaan kandang dan fasiliti yang berkaitan, termasuk 50 ekor lembu sebagai baka permulaan oleh Mantan Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah merangkap Timbalan Premier pada tahun 2021, sehingga kini pihak kami belum lagi mendapat kesemua yang dinyatakan tersebut. Justeru ini, saya mohon dan berharap agar projek ini dapat diberi perhatian segera demi untuk melihat pengurangan kebergantungan kita dengan daging import.

Saya juga menyarankan kepada pihak Kementerian M-FICORD supaya setiap kawasan DUN di Sarawak diberi satu projek pertanian berkelompok seperti ini, terutama sekali yang melibatkan industri ternakan, sama ada lembu, kerbau, rusa, kambing, khinzir dan sebagainya dan diselia sepenuhnya oleh Ahli Yang Berhormat Kawasan dan Pejabat Pertanian Daerah untuk memastikan ianya berjaya di masa akan datang. Kawasan projek boleh dikenal pasti oleh Ahli Yang Berhormat kawasan terbabit. Mereka yang dipilih akan diberi kursus, tunjuk ajar dan juga kemahiran-kemahiran tertentu dalam penjagaan ternakan tersebut. Jika projek ini berjaya, saya percaya, tahap kebergantungan kita dengan pengimportan daging ternakan akan dapat kita kurangkan.

Saya juga amat bersetuju dengan pewujudan syarikat penerbangan kita sendiri seperti yang diumumkan oleh YAB Premier baru-baru ini. Seringkali kita mendengar keluhan anak-anak Sarawak, bukan sahaja anak Sarawak, mereka yang ingin terbang ke Sarawak juga, dengan harga tiket kapal terbang yang mencecah diluar dugaan kita. Penerbangan satu hala dari Kuching ke Kuala Lumpur, boleh mencecah RM1,000 sekarang ini. RM2,000 pun ada. Kuching ke Miri boleh mencecah RM700 ke RM1,000. Dan ini merupakan satu bebanan besar kepada orang-orang kita yang ingin berurusan dengan kawasan-kawasan yang di luar daripada bandar Kuching dan sebagainya dan mereka ini perlu membayar dengan harga yang begitu tinggi, hanya untuk naik belon, kepada kita.

Jadi, sering kali keadaan ini menjadi bahan hentaman untuk kerajaan kita, Kerajaan GPS dan sebagainya. Jadi kita mohon supaya dipercepatkanlah kelulusan lesen untuk syarikat penerbangan Sarawak ini supaya kita dapat menstabilkan harga tambang daripada Kuching ke mana-mana destinasi sekalipun, sama ada di dalam Sarawak ataupun di luar Sarawak, demi kita mengurangkan beban yang harus ditanggung oleh mereka yang menggunakan perkhidmatan kapal terbang ini.

Keputusan mewujudkan syarikat penerbangan Sarawak dengan *tag line* "*Boutique Airline*" ini amat bertepatan dalam kita memberi perkhidmatan yang mungkin jauh lebih murah tetapi berkualiti kepada pelanggan-pelanggan kita. Bahkan dengan adanya *Boutique Airline* ini juga akan memberi

ruang yang luas untuk industri pelancongan kita berkembang, di mana kita boleh memilih destinasi tertentu di luar Malaysia untuk dihubungkan terus dengan penerbangan ini. Sebagai anak jati Sarawak, saya menyokong penuh keputusan ini dan berharap ianya dapat direalisasikan dalam tahun ini.

Tuan Speaker, buat penghujung ucapan, saya doakan agar Sarawak sentiasa dilimpahi berkat buat sekalian pemimpin dan rakyatnya. Tunjang dan tulang belakang kita adalah perpaduan dan kebersamaan yang harus kita kekalkan dalam jati diri kita dan perlu disemai padat dalam sanubari setiap warga Sarawak.

*Harum mewangi bunga di para;
Disusun tinggi di atas bata;
Perpaduan rakyat agenda utama;
Disisip semat sekalian jelata.*

Selamat menyambut 60 tahun Kemerdekaan Sarawak. Buat semua rakan-rakan dan saudara-mara yang beragama Islam, bulan Syawal belum berakhir, Selamat Hari Raya ku ucapkan. Buat semua rakan-rakan dan saudara-mara Masyarakat Dayak, ku ucapkan *Selamat Onu Gawai, Tra Tra Tra Tra Tra*. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Honourable Member for Meluan.

YB Encik Rolland Duat anak Jubin: Salam Sarawakku Sayang. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker di atas peluang untuk saya membahaskan Usul Penghargaan Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Tuan Speaker, pada tahun lepas Sarawak telah mencatatkan rekod pendapatan tertinggi dalam sejarah, iaitu RM11.9 bilion. Ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan Kerajaan GPS pimpinan YAB Premier. Jika kita imbas kembali ketika YAB Premier mengambil alih tampuk kepimpinan pendapatan Sarawak adalah di sekitar RM5 bilion. Dengan pelbagai inisiatif "*Revenue Re-engineering*" kita melihat hasilnya hari ini telah melonjakkan pendapatan kita walaupun berdepan dengan ketidakpastian ekonomi global dan juga pandemik. Saya percaya *Post COVID-19 Development Strategy Plan* (PCDS) yang telah diperkenalkan akan membawa kita ke landasan menuju Sarawak yang lebih makmur.

Tuan Speaker, "*Money is not a Problem*" di bawah kepimpinan YAB Premier, itu sangat pasti. Sekarang ini terpulanglah kepada kita untuk merancang pembangunan yang lebih pesat dan mampan untuk Sarawak. Kita harus bekerja keras merapatkan jurang pembangunan, dan memastikan setiap pelosok Sarawak tidak ketinggalan di dalam perancangan ekonomi. Saya berharap prinsip utama perancangan pembangunan adalah selari dan konsisten dengan tema, "*Pro Pembangunan, Pro Luar Bandar*".

Kita melihat pelbagai inisiatif baru diperkenalkan bagi menjana sumber pendapatan baru untuk Sarawak. Baru-baru ini Sarawak Biodiversity Centre (SBC) telah memperkenalkan, "*Algae Cultivation*". Saya berharap sekiranya berhasil, aktiviti penghasilan algae ini dapat diperkembangkan ke kawasan luar bandar untuk menjana aktiviti ekonomi baru, terutama bagi pemilik tanah NCR.

Saya memohon agar lebih banyak inisiatif penjana sumber ekonomi baru mengambil kira penyertaan rakyat luar bandar, terutama pemilik tanah NCR. Sudah tiba masanya kita melihat kembali konsep pembangunan tanah NCR dan memperkenalkan cara baru yang lebih inovatif dan menguntungkan.

Tuan Speaker, tanah NCR sangat sinonim dengan JV Kelapa sawit. Namun, keuntungan daripada konsep pembangunan ini kurang memberangsangkan. Saya memohon Kementerian bertanggungjawab melakukan forensik ekonomi untuk mengenal pasti kelemahannya. Model baharu yang lebih menjamin keuntungan pemilik tanah harus diperkenalkan. Saya mencadangkan *State*

Task Force pembangunan tanah NCR mempertimbangkan konsep baru yang memberikan jaminan pendapatan melalui sewa tetap beserta dividen sekiranya harga komoditi mencecah harga tertentu. Begitu juga agensi pembangunan luar bandar seperti Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS) harus diberikan status yang sama seperti PELITA untuk membangunkan tanah NCR dan diberikan "*Deemed Native Status*" untuk membawa lebih banyak pilihan dan konsep pembangunan kepada pemilik tanah. Selain itu, saya memohon agar Kerajaan Sarawak menggesa Kerajaan Persekutuan agar melaksanakan pembangunan luar bandar dan tanah di Sarawak melalui Agensi Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, pembangunan kelapa sawit oleh FELCRA, getah oleh RISDA dan PPRT oleh MARA dan sebagainya.

Tuan Speaker, di kawasan saya, rakyat sangat rajin membangunkan tanah mereka. Ini menjadikan Julau dan Pakan sebagai pengeluar utama lada premium di Malaysia. Namun, kita melihat masih ramai pekebun kecil ini masih lagi berjalan kaki kerana tidak ada jalan perhubungan ke kebun mereka. Justeru itu, saya mohon M-FICORD khususnya, mewujudkan Program Khas Pembangunan Jalan Kebun dan Ladang dengan peruntukan tahunan RM5 juta untuk DUN luar bandar, terutama DUN Meluan. Baru-baru ini Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS) telah melaksanakan beberapa pembangunan jalan ladang di beberapa DUN. Namun, peruntukan difahamkan terhad dan tidak mencukupi. Jabatan Pertanian dan DID tidak berupaya dan lambat melaksanakan kerana komitmen tinggi mereka untuk melaksanakan projek yang lain.

Di samping itu, saya memohon Kerajaan Negeri memberi fokus khas kepada pengeluar lada di Julau dan Pakan dengan memperuntukkan tambahan selain daripada peruntukan Persekutuan. Saya mencadangkan Agensi Kerajaan Negeri seperti LKTS menerajui penghasilan lada "*creamy white*" yang boleh memberikan pulangan lumayan kepada pekebun lada. Satu kilang pengumpulan dan pemprosesan lada "*creamy white*" boleh diwujudkan di kawasan saya DUN N.48 Meluan. Untuk permulaan, kita boleh melaksanakan kilang perintis dengan peruntukan RM20 juta.

Tuan Speaker, baru-baru ini YAB Premier telah mengumumkan perancangan untuk mewujudkan bank untuk usahawan kecil dan sederhana di Sarawak. Saya amat menyokong cadangan ini dan mencadangkan ia juga melibatkan pekebun kecil dan usahawan tani supaya tiba masanya kita memperkenalkan fasiliti kredit kepada pekebun dan usahawan tani. Sebagai contoh, pekebun lada dan sawit kadang-kadang kekurangan modal untuk membeli baja dan racun. Sekiranya ada Skim Kredit Mudah, mereka boleh memohon pembiayaan dengan faedah yang sangat rendah dan memastikan kebun mereka dapat diuruskan dan mendapat baja dengan baik. Skim sedia ada seperti *Sarawak Agro Fund* tidak memberikan perkhidmatan untuk pekebun kecil luar bandar.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang pembangunan infrastruktur di kawasan saya. Semalam, Kementerian telah menjawab soalan saya; memperkenalkan pembinaan Jalan Entabai ke Rantau Limau Fasa 2. Saya amat kesal, kerana asalnya projek ini di bawah KKDW telah pun disenarai pendek untuk *Rolling Plan 3* (RP3) namun EPU Persekutuan telah menapis senarai ini dan diletakkan ke *Rolling Plan 4* (RP4). Saya difahamkan oleh pegawai-pegawai bahawa pembentangan RP4 di peringkat Kementerian KKDW akan dilakukan pada minggu hadapan. Saya mohon agar SIMU dan EPU Sarawak menekankan bahawa Jalan Entabai-Rantau Limau Fasa 2 ini adalah senarai utama Negeri. Rakyat di kawasan saya sudah tidak sabar kerana projek ini sudah disebut-sebut sekian lamanya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memohon agar Program SARES diteruskan dikekalkan walaupun telah ada *grid lines* menghubungkan bekalan elektrik di luar bandar terutama di kawasan Meluan. SARES boleh dijadikan sebagai sistem *back up* sekiranya terjadi *blackout* di kawasan pedalaman. Tidak sama seperti di bandar, di pedalaman terutama kawasan yang tidak mempunyai liputan telefon amat sukar untuk memaklumkan kerosakan dan penyambungan semula bekalan sangat perlahan. Oleh itu, ada SARES, ia masih boleh dijadikan bekalan elektrik tambahan sekiranya bekalan elektrik terputus.

Saya juga mencadangkan diberikan peruntukan untuk memasang lampu jalan solar di rumah-rumah panjang dan juga di kampung-kampung untuk memastikan keselamatan dan keselesaan penduduk di waktu malam. Lampu solar dapat dipasang walaupun tiada bekalan elektrik dan ianya juga boleh menjimatkan di pasang di kawasan yang sudah ada bekalan elektrik.

Tuan Speaker, saya amat menghargai Kementerian bertanggungjawab dapat memberi status terkini Projek Bekalan Air Alternatif Sarawak (SAWAS) RM74 juta di kawasan saya yang telah diumumkan oleh YAB Premier untuk diambil alih oleh Kerajaan Sarawak. Begitu juga rakyat di kawasan saya masih lagi merungut dan tidak sabar untuk melihat bekalan air di Jalan KJD siap. Saya melihat penyelesaian jangka masa pendek, terutama perayaan Hari Gawai yang akan datang untuk memastikan rakyat di kawasan Jalan KJD tidak mempunyai masalah bekalan air. Saya memohon ini menjadi perhatian dan keutamaan oleh JBALB dan disediakan talian aduan *hotline* dengan segera.

Tuan Speaker, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai perancangan-perancangan pembangunan di kawasan saya. Saya memohon agar Datuk Amar Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak mengeluarkan arahan kepada Jabatan-Jabatan agar memberi taklimat kepada ADUN mengenai semua pembangunan yang telah diluluskan untuk kawasan. Malah, saya mohon agar semua cadangan pembangunan dibincangkan dan dirancangan bersama ADUN untuk memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Di DUN Meluan khususnya, saya ingin melihat pembangunan pertanian dirancang bersama supaya boleh memberi sokongan melalui kementerian dan juga RADA.

Tuan Speaker, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Penghargaan di atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Petua Negeri Sarawak.

Sebelum saya mengundur diri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Selamat Hari Wesak kepada rakan-rakan yang menyambut *Wesak Day* dan sudah tentu Selamat Hari Gawai kepada rakan-rakan dan keluarga yang bakal menyambut Hari Gawai Dayak. Dengan ini, saya menyokong. Tuan Speaker, Sekian terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, we have a lunch break. Sitting resumes at 2.30 p.m.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.29 tengah hari)

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.42 petang)

[Timbalan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Speaker: Ahli Yang Berhormat bagi Ba'Kelalan.

YB Encik Baru Bian: Thank you, Tuan Speaker for giving me the opportunity to address in this august House on the occasion on debating the Motion of the Appreciation on the address of His Excellency the Governor of Sarawak given on the 15th May 2023. My first point for this afternoon is on AIAC setting up in Sarawak.

AIAC Setting Up in Sarawak

Tuan Speaker, I have been informed that the Sarawak Government is in discussion with the Asian International Arbitration Centre or AIAC on the setting up of a branch of the AIAC here in Sarawak, and that, a building has been identified for the use of the branch. I am told that the Sarawak Government is willing to give the AIAC an annual grant for the establishment, maintenance and operating costs of the branch.

Whilst I applaud the move to promote Alternative Dispute Resolution or ADR in Sarawak and to encourage and nurture ADR practitioners among Sarawakians, I am of the opinion that we should have our own ADR facilities instead of depending on the AIAC. If the Sarawak Government is proposing to fund the AIAC, the question arises, how much benefit is it will bring to Sarawak ADR practitioners and to the State? Tuan Speaker, what decision-making powers will we have? Will the revenue from the operations of the branch be taken by the AIAC Headquarters or be kept by the Sarawak branch for use as it deems fit?

In connection with this Tuan Speaker, I wish to mention that the Sabah Government is supporting the funding the setting up of the Borneo International Centre for Arbitration and Mediation or BICAM in Sabah, headed by its chairman, retired Chief Judge of Sabah and Sarawak, Tan Sri David Wong. BICAM is located at the Sabah International Convention Centre. It is my understanding that BICAM is more than willing to come to Sarawak to partner with us offering equal decision-making powers, alternate chairmanship and revenue sharing amongst others.

Tuan Speaker, the spirit of MA63, the better option is for us to cooperate with BICAM. Our leaders and social activists are now championing Sarawak autonomy and even independence. Our Ministers are pushing for the devolution of powers from the Central Government to the Borneo States. Partnering with Sabah in the establishment of BICAM would be a significant step in the assertion of our autonomy from West Malaysia.

In addition, more benefits will accrue to us, especially in light of the imminent move of the Indonesian capital to Nusantara and the expected economic activity and investments. In fact, BICAM have already had discussions with their *Nusantara* counterparts on future cooperation with each other. Having our own arbitration and mediation centre will go a long way towards increasing investor confidence in this region.

Tuan Speaker, I would appreciate clarification from the Minister in charge on the accuracy of the reports I have received, and on whether the Sarawak Government is open to supporting BICAM in partnership with the Government of Sabah, instead of funding a West Malaysian body to set up and operate a branch here in Sarawak.

Amendment to Definition of Native not Gazetted

My second issue is on the amendment to definition of native not gazetted. Tuan Speaker, in July last year, Deputy Minister in the Premier's Office (Law, MA63 and State-Federal Relations) said that the Government was in the midst of drafting the conditions and requirements to be imposed before the Interpretation (Amendment) Ordinance, 2022, which confers native status to children of mixed races, could be gazetted and come into force.

At the November DUN session last year, in reply to my query on the same matter, the Minister in the Premier's Office explained that the Government was still refining the definition of what it means to be a native in Sarawak. It has been over a year since the Amendment Bill was passed, the immediate delay in gazetting the Ordinance is causing inconvenience and anxiety to many natives who are of mixed parentage. There are still instances of children of mixed marriages between natives and non-natives encountering various problems in matters of land transfers, inheritance and entry into educational institutions. Can the Minister please explain why the Government is taking such a long time in working out who a native is and tell us when the Ordinance is expected to be gazetted?

Sabah-Sarawak Link Road (SSLR)

Next issue that I wish to raise up Tuan Speaker is on the SSLR or Sabah-Sarawak Link Road. Tuan Speaker, in July last year, the Senior Works Minister, now Deputy Prime Minister announced that Phase II of the Sarawak-Sabah Link Road or SSLR had been approved and work was expected to begin in 2023. This is good news to all Sarawakians especially those who live up north as that is the nearest point of entry into and exit from *Nusantara*. I understand that this Phase II will first

connect Long Luping to Buduk Nur and to the border entry into Kalimantan and also from Long Luping junction to Kampung Berunut and to Rumah Aling in Limbang. It is timely to complete the road connectivity, especially in view of the expected boost in economic activities due to the move of the Indonesian capital to Nusantara.

Tuan Speaker, I would like to know if these alignments I said earlier are correct for this Phase II of this SSLR and how much budget is expected for the project? Also, whether the tendering for the project has been done. If not, when is it expected to be tendered?

Electricity

On electricity Tuan Speaker, I am bringing up the issue of electricity in this Dewan again as many residents in my constituency are still waiting to catch up with their urban cousins to finally be able to enjoy electricity supply to their houses. I am glad to note that towers are now being built as far as Long Luping and Kampung Berunut area. Can the Minister please update us on the status of the project and the completion date? It is the hope of all the residents of Ba'Kelalan constituency that every village will be connected to the electricity supply grid without undue delay.

Proposed SMK Long Semadoh

On the proposed SMK Long Semadoh, Tuan Speaker. In 2014, this Dewan was informed by the Minister in charge that there is no plan to build the long-promised SMK Long Semadoh as there are other schools such as SMK Sundar that the students can attend. However, the people of Long Semadoh are still hoping for a new SMK Long Semadoh as their children are too young to be sent to boarding school. Their parents are worried about them being exposed to undesirable elements especially in this current time when problems of bullying, drug abuse, and illegal gambling seem to be on the increase.

This need for the school must have been the overriding factor when the school was announced and land acquired for it in 2003 when land was acquired by the Government for building SMK Long Semadoh, as recorded in the Sarawak Gazette dated 23rd October 2003. Low enrolments should not be the sole determining factor for whether schools are built. I believe that as long as the enrolments remain consistent, and as long as there is a need for the school, the Government should provide it. For children, a good education is what will shape their future. I believe that in Bario, the SMK Bario has an average of about just about 300 students or less, which is considered to be low, and yet it was set up there, so that the children do not have to be sent to boarding schools far away from their parents at such an early age in their life.

Tuan Speaker, the people still remember that during the election campaign in 2016, the Federal Minister of Energy, Green Technology and Water had informed the people of Lawas that the Prime Minister had approved RM35 million for the construction of the proposed SMK Long Semadoh. We hope that the Government will go ahead with the school. After all the land had already been acquired.

Agriculture

On Agriculture Tuan Speaker, I believe that agriculture is an important economic activity for the people of my constituency Ba'Kelalan as we have the most fertile land in Sarawak. I propose that the Government help to promote *Adan* rice and implement programmes to encourage farmers to produce this rice. Looking at downstream processing would be one way, such as producing drinks, breakfast cereals, baby food, rice milk and other products from our black and red rice that are rich in nutrients and antioxidants. In Thailand Tuan Speaker, rice is used to produce various skincare and beauty products, as well as medical material such as sponges and wound dressing patches. We should look at doing the same here with our *Adan* rice.

Tuan Speaker, I request the Government to focus on rice production, processing and marketing in Ba'Kelalan, as that will improve the livelihood of the people. Growing rice is second nature to us, and with some encouragement from the Government, it can become a major economic activity for the region and again bearing in mind that *Nusantara* is just next door to Ba'Kelalan.

In conclusion, I wish our Dayaks friends a very fruitful harvest this year. Have a blessed and Happy Gawai. *Gayu Guru, Gerai Nyamai*. May God Bless Sarawak. Thank you, Tuan Speaker for your indulgence.

Timbalan Speaker: Thank you, Honourable Member from Ba'Kelalan. Next, I would respectfully call Honourable Member Stakan, please.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahim: Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker, saya ingin berkongsi sedikit pengalaman pada pagi tadi. Jadi apabila saya ingin turut serta dalam perbahasan, saya dapati ada tiga, empat kawan-kawan pun ada *microphone* nya *blink*. Tapi saya *sik tauk* bila saya nak berucap. Dalam masa yang sama, perut saya sakit. Bila perut saya sakit, saya nak ke *toilet* pun serba salah. Jadi alhamdulillah Tuan Speaker memberi ruang saya bercakap orang nombor dua pada petang tok. Terima kasih, Tuan Speaker.

Kepimpinan Berwawasan

Assalamualaikum dan Salam sejahtera Sarawakku Sayang. Menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang telah menyampaikan amanat cukup penting dan nasihat yang cukup bernas bersempena dengan Pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-19 pada Isnin, 15 Mei 2023 yang lalu. Harapan Tuan Yang Terutama supaya Kerajaan Perpaduan dapat menyelesaikan segala tuntutan Sarawak selaras Perjanjian Malaysia 1963 ataupun MA63 amat wajar dan kita mahu ia diselesaikan secepat yang mungkin perkara-perkara ini tertunggak dalam MA63 selama ini perlu diselesaikan secara bersungguh-sungguh bukannya sekadar slogan dan retorik politik sahaja. Begitu juga harapan supaya Kerajaan Persekutuan terus melaksanakan pembangunan di Sarawak untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan, pendidikan, membangun infrastruktur asas, menjaga kebajikan Sarawak dan meningkatkan tahap keselamatan khususnya di kawasan sempadan. Ini bukan wajar malah mesti dan wajib dilaksanakan.

Tuan Speaker, alhamdulillah kita bersyukur kerana Sarawak bukan sahaja menjadi sebuah Negeri contoh di dalam Malaysia dan Negeri yang aman dan harmoni di dalam Malaysia. Malah kita Sarawak hari ini mempunyai pemimpin-pemimpin yang berwibawa. Daripada dahulu sehingga sekarang, contoh yang jelas pada hari ini YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg telah berjaya melaksanakan Dasar Ekonomi dan Polisi Pembangunan yang telah memacu Sarawak ke hadapan. Ini terbukti menerusi inisiatif-inisiatif utama yang beliau laksanakan termasuk Agenda Ekonomi Digital, Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 ataupun PCDS 2030 penubuhan Agensi Pembangunan Wilayah dan penekanan terhadap Ekonomi Hijau, okay. Amat jelas pimpinan Sarawak bukan sahaja berwibawa malah penuh berwawasan.

Ekonomi

Saya di sini menyentuh dari sisi ekonomi, Sarawak melangkah ke hadapan. Umum mengetahui bahawa Indonesia akan melaksanakan pemindahan ibu Negeranya Jakarta ke Kalimantan yang akan dikenali sebagai Nusantara. Dengan pemindahan pentadbiran Indonesia, pusat pentadbiran Indonesia ke Nusantara ini akan memberi pelbagai manfaat dalam aspek ekonomi, infrastruktur dan sosial. Stakan ingin menarik minat Kerajaan Negeri supaya perancangan awal dirangka bagi merealisasikan usaha sama mewujudkan satu rangkaian laluan keretapi seperti yang saya sebut pada mesyuarat yang lepas, di sempadan Sarawak dan Indonesia. Jaringan jalan

laut agak jauh dan usaha mewujudkan jaringan keretapi bagi aktiviti logistik dari Kalimantan terus ke lokasi strategik di dalam Negeri Sarawak adalah pilihan terbaik bagi memudahkan pengeksporan barangan dari Kalimantan yang berpenduduk hampir 14 juta. Hampir setengah penduduk Malaysia berada di Kalimantan dan amat kaya dengan sumber hasil bumi. Ini akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi serta perdagangan antarabangsa antara dua rantau ini dan membawa pulangan ekonomi yang memberangsangkan dan boleh digunakan untuk membangunkan Sarawak pada masa hadapan.

Tuan Speaker, bayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bayangkan sekiranya satu hari nanti ada jaringan jalan keretapi daripada Indonesia ke Sarawak sama ada terus ke pelabuhan Bintulu ataupun ke pelabuhan Insya-Allah di Miri ataupun kita boleh buat satu lagi pelabuhan di Sri Aman melalui jalan selantik. Bayangkan hasil bumi daripada Indonesia yang selama ini tidak boleh keluar oleh kerana kekangan logistik yang menjadikan bahan ini mahal. Mereka terpaksa menggunakan masuk ke dalam wilayah Sarawak dan menguntungkan pihak kita. Mereka ada banyak bahan-bahan di dalam Kalimantan. Mereka ada emas, mereka ada arang batu, mereka ada rhenium, titanium dan sebagainya tapi tidak dapat dikeluarkan. Jadi di pihak kita pula, kita menyediakan tempat untuk mereka keluarkan bahan-bahan tersebut. Jadi siapa yang untung?

Masuk ke dalam Sarawak di *Land Board* kita, kita pun sudah dapat duit. Pergi ke pelabuhan pun kita sudah dapat duit. Keluar daripada kapal untuk pergi ke pelabuhan pun kita pun dapat duit. Jadi ini akan memberi keuntungan kepada pihak kita.

Ia juga akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi serta perdagangan antarabangsa antara dua rantau ini dan membawa pulangan ekonomi yang memberangsangkan yang boleh digunakan untuk membangunkan segelintir kawasan di Sarawak.

Pada masa yang sama, aspek keselamatan juga perlu dititikberatkan melalui usaha untuk menaik taraf Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (CIQ). Saya ingat rakan saya daripada Tebedu pernah menyuarakan perkara ini. Imigresen kita di Tebedu tidak banyak orang nak *selfie*, tapi di sebelah sana ertinya imigresen mereka memang cantik bukan setakat petugas mereka cantik tetapi imigresen mereka pun cantik.

Sarawak di Malaysia dan Kalimantan di Indonesia, Tuan Speaker harus mempersiapkan diri terutama dari aspek pembangunan sempadan dan menerokai *Business-to-Business* (B2B) antara kedua-dua Negara. *Win-win situation*.

Teknologi Hijau

Tuan Speaker, mengenai komitmen Kerajaan Sarawak dalam membangunkan ekonomi baharu berasaskan teknologi hijau, ia bukan sahaja telah berjaya menarik banyak pelaburan ke Sarawak dan memulihara alam sekitar, malah bakal memberi manfaat terhadap keselamatan tenaga, makanan dan alam sekitar. Syabas pucuk kepimpinan Sarawak, kerana Sarawak adalah Negeri paling aktif dalam aktiviti pembangunan Teknologi Hijau. Malah Duta Besar Jepun ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Takahashi Katsuhiko yang mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Premier Sarawak turut menzahirkan pengiktirafan Jepun kepada kesungguhan Sarawak dalam pembangunan teknologi hijau. Bayangkan Duta Jepun pun kagum dengan kita Sarawak *tok*. 80 tahun lebih *marek* nya datang *sitok* nya *ngembak* senapang. Kita ketakutan *tangar* Jepun datang. *Haritoknya* datang, nya kagum dengan kita. Hasil pucuk pimpinan YAB Premier Negeri Sarawak pada hari ini.

Saya tertarik dengan ucapan rakan baik saya, Ahli Yang Berhormat Tupong dan Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri Demak Laut pada hari semalam pada jawapan beliau berkenaan penghasilan *Sustainable Aviation Fuel* (SAF) (minyak belon) bukannya *tok cream*, minyak belon melalui pemprosesan *algae* (*algae* adalah sejenis lumut, lumut yang ada di dalam Negeri kita) yang sedang diusahakan oleh Sarawak Biodiversity Centre. Industri aviasi dunia kini memfokuskan penggunaan 25% adalah daripada Tenaga Hijau untuk bahan api industri penerbangan. Maksudnya

belon yang terbang lepas *tok* perlu *makey* 25% daripada tenaga hijau. Ini akan membuka jalan sebagai sumber pendapatan baharu bagi Kerajaan Negeri Sarawak sebagai pemula awal dan pemain industri dalam teknologi hijau ini. Kerajaan Sarawak dalam masa beberapa tahun ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Premier telah konsisten menekankan kepentingan untuk Sarawak menerokai sektor ekonomi Teknologi Hijau.

Pada masa ini, Sarawak menumpukan perhatian untuk sektor *green hydrogen* di mana proses penghasilan yang digunakan adalah melalui elektrolisis (air). Baru-baru ini, penyelidik telah melihat kepada buluh atau *bamboo* yang boleh menjadi sumber tenaga yang baharu. Buluh boleh menjadi sumber tenaga yang baru (jadi apabila buluh *tok* dah menjadi bahan diguna pakai *for sure* buluh *tok* akan jadi laku lepas *tok*, jadi jangan *kitak* orang hairan orang molah buluh leman *makey* buluh paip, kerana buluh dah mahal lepas *tok*). Jadi, ini dilihat boleh meningkatkan *Efficiency of Fuel Cells* dan merupakan sebuah alternatif yang lebih *sustainable* di mana *fuel cell* tidak lagi perlu bergantung kepada *fossil fuel*.

Di Sarawak yang kaya dengan sumber asli dan hutan, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat melihat kepada perkembangan baharu dalam mengurangkan *carbon footprint* melalui teknologi penghasilan tenaga melalui buluh. Dalam masa yang sama, kita juga perlu melihat kepada perdagangan Teknologi Hijau dengan Negara-Negara yang potensi yang bagus untuk Teknologi Hijau di Rantau Asia ataupun Asia Tenggara. Salah satu contoh Negara yang boleh kita lihat adalah Negara Singapura. Singapura adalah sebuah Negara yang juga menumpukan tenaga dalam *adoption of green technology* dan melawan perubahan iklim (*climate change*).

Di sini, saya menyarankan supaya Sarawak turut menjalin kerjasama dengan Singapura dalam membangunkan teknologi hijau. Singapura adalah Negara jiran yang banyak membuat pelaburan serta memberi penekanan kepada penggunaan teknologi hijau termasuk melabur di Johor. Justeru wajar untuk Sarawak turut menjalin kolaborasi dengan Republik itu dalam teknologi hijau.

Jaringan kerjasama ini wajar dipertimbangkan memandangkan Singapura jauh ke hadapan dari segi pembiayaan, perniagaan yang menceburi aspek alam sekitar sama ada dari segi kepakaran dan teknologi. Pelaburan besar telah di buat oleh Singapura dalam menangani isu perubahan iklim. Dengan penubuhan pelbagai syarikat Singapura yang berasaskan Teknologi Hijau, Kerajaan Negeri Sarawak juga harus melihat kepada aspek *possibility* dan *feasibility* untuk perdagangan antara Sarawak dan Singapura dalam sektor teknologi hijau.

Industri Perabot

Tuan Speaker, kita di Sarawak kaya dengan hasil kayu-kayan. Industri Hasil Kayu (Perabot) dikenal pasti sebagai salah satu sektor ekonomi paling penting untuk memacu Sarawak Ke Arah Negeri Maju dengan anggaran akan menjana hasil eksport sebanyak RM4 bilion pada 2030. Dengan kekayaan sumbernya, Sarawak wajar memperbanyakkan lagi Pusat Pembangunan Hasil Kayu (Perabot) di Sarawak. Dengan sumber dan bahan mentah yang kita ada, kita mampu menghasilkan lebih banyak produk perabot yang menarik dan berkualiti tinggi. Saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri supaya industri perabot Sarawak ini diperhebatkan dan menjadi sebuah sektor ekonomi penting serta melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan mampu membangunkan industri ini ke tahap yang lebih tinggi, secara tidak langsung akan memberi banyak peluang pekerjaan kepada anak muda dan menyumbang kepada sosio-ekonomi Sarawak.

Tuan Speaker, saya pada masa yang sama ingin berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKMS) dan Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JKWS) atas usaha membantu golongan wanita khususnya dalam aspek kebajikan. Saya sedia maklum bahawa pelbagai skim serta bantuan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan kepada ibu tunggal bagi memastikan kelangsungan hidup mereka.

Antara Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) serta bantuan-bantuan yang lain yang baik dalam aspek kewangan ataupun latihan untuk mereka meningkatkan taraf hidup dan membantu menyara keluarga. Saya berpendapat bahawa bantuan-bantuan dan skim yang mewujudkan sebuah *social safety net* khususnya untuk golongan ibu tunggal harus diperkasakan. Ini dengan permudahkan proses permohonan serta tapisan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan serta bantuan ini lebih baik dan *efficient*. Kita harus mempertimbangkan antara proses birokrasi dengan keperluan *red tapes* dengan tanggungjawab serta khidmat yang harus disalurkan kepada masyarakat sebagai sebuah Kerajaan prihatin, proaktif dan menyantuni setiap golongan masyarakat.

Masalah Kawasan

Tuan Speaker, tidak lengkap sekiranya jika saya tidak mengutarakan permasalahan di dalam Kawasan saya Stakan. Stakan seperti mana kawasan-kawasan lain giat dalam proses pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Namun demikian, ada beberapa perkara di pandangan saya merencatkan sedikit perancangan sedia ada. Antaranya tanah-tanah yang telah dianugerahkan, 10, 20 tahun yang lalu kepada syarikat-syarikat yang besar yang memohon sebelum ini untuk tujuan pembangunan, tapi tanah tersebut dibiarkan kosong. Saya tak taulah sama ada mereka menjual *Carbon Storage*. Jadi kenapa dibiarkan kosong?

Adakah tujuan mereka adalah untuk memelihara haiwan dan apa-apa binatang di dalam itu. Tapi sudah pastinya sebagai entiti sebuah syarikat mereka melihat *value* tanah tersebut semakin hari semakin tinggi. Dan ia menguntungkan pihak Syarikat, ia menguntungkan individu-individu tertentu di dalam syarikat tapi tidak berapa menguntungkan rakyat setempat. Sebab, sehinggakan kami di Stakan hari ini, kita nak buat *facilities* untuk masyarakat dewan sebagainya. Kita tidak mempunyai tanah lagi. Jadi adalah mustahil untuk kita mencari tempat yang strategik untuk membuat perkara tersebut jadi saya mohon supaya kalau boleh Kerajaan pada hari ini *cek* tempat tanah-tanah yang terbiar macam ini supaya kalau melibatkan kepentingan rakyat setempat, ambil balik tanah tersebut untuk kepentingan rakyat. Itu yang saya mohon supaya, saya ulangi tanah-tanah yang terbiar yang dipunyai oleh syarikat-syarikat besar, ambil balik demi kepentingan rakyat setempat. Itu harapan saya.

Kelulusan Perumahan

Tuan Speaker, selain itu juga saya memohon kepada pihak berwajib yang meluluskan projek-projek pembangunan di Negeri kita ini terutama Stakan agar lebih menitikberatkan pelbagai aspek terutama jajaran jalan raya dan kemudahan asas seperti air dan perparitan. Pembangunan yang pesat di Kawasan Stakan amat dialukan, tetapi kesan negatif yang timbul selepas itu amat merisaukan, kami di Stakan bukanlah menolak pembangunan tetapi alangkah baik jika pembangunan ini dijalankan secara terancang. Banjir dan tekanan air rendah antara permasalahan utama yang sering diadukan kepada saya di kawasan. Sebagai contoh satu perkara yang tidak seharusnya berlaku.

Pada tahun lepas, di satu kawasan perumahan dalam kawasan saya, Taman Samarindah, rumahnya hampir 5,000 buah, jalan masuk hanya satu saja yang *official*. Bila berlaku banjir kilat, rakan saya sendiri, anaknya telah lemas pada hari tersebut. Bayangkan jika anak itu anak adalah anak saudara. Anak itu telah lemas, ambulans tidak dapat masuk ke dalam oleh kerana banjir. Bayangkan bagaimana perasaan seorang bapa mendukung anaknya berlari pergi ke ambulans. Bayangkan tuan-tuan jika itu berlaku kepada tuan-tuan. Jadi masalah ini kita tidak dapat memberi alasan, sebab itu adalah kawasan perumahan yang telah diluluskan oleh Kerajaan bukan kampung.

Jadi saya betul-betul tidak berapa setuju kenapa hari ini perancangan dibuat dengan tidak teratur. Kita ada perancangan, kita ada *masterplan* tapi kenapa tidak di *implement*? Jangan hanya sekadar di *paper* sahaja tapi di bawah tidak dilaksanakan. Bagaimana kita hendak menjawab rakyat di bawah. Jadi saya mohon supaya pihak agensi berkenaan dapat membuat kerja mereka demi kesejahteraan rakyat ... (*Inaudible*)... dan kawasan masing-masing. Dan saya rasa perkara ini tidak hanya berlaku dalam Kawasan saya tapi juga berlaku pada kawasan Yang Berhormat-Yang

Berhormat lain juga. Saya rasa. Seperkara lagi adalah kerjasama kakitangan Kerajaan dengan kami wakil-wakil rakyat. Kami wakil rakyat bertanggungjawab kepada pengundi dan masyarakat.

Saya berharap apa yang disuarakan di dalam Dewan ini akan ada kesinambungan di agensi-agensi supaya apa yang dikelakar kamek orang tok, meletup-letup. Air liur pun kering, sik habis dari tadik. Dari pagi tadik sampe ke petang. Pakey apa berdebat sampe ke malam tapi selepas tok tidak di implement. Saya rasa pendapat saya ini dipersetujui oleh ramai rakan-rakan saya yang lain.

Timbalan Speaker: Okay Yang Berhormat, penggulungan.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahim: Okay, kerana ada sesetengah ketua agensi bila kita panggil datang ke pejabat kita, walaupun kita ni wakil rakyat, mereka juga hantar wakil *juak*, jadi siapa sebenarnya wakil rakyat. Jadi, minta tolong ada sesetengah pegawai *tok sik* berapa *serius even* apa permintaan kita kadang-kadang *meeting* 2-3 bulan lepas ya *ilang ajak macam ya*. Saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Saban dan sahabat baik saya, Yang Berhormat Batang Sadong yang memberi perhatian kepada kami di Stakan mengenai permasalahan kesesakan jalan raya. Tidak lupa juga pada pihak PDRM. Alhamdulillah, ada kurang sikit *jem* di kawasan kita tapi masih *juak* sesak. Saya harap masalah ini dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakan-rakan muslim, Selamat Hari Wesak kepada rakan-rakan Buddha dan Selamat Hari Gawai kepada rakan-rakan Dayak semua.

Tuan Speaker, dengan ini saya mengusulkan sokongan atas usul Ucapan Penghargaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. *Ya ajak jakok aku*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Stakan. Sebelum saya meneruskan perbahasan kita untuk ruang, untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat lain, saya ingin nak tahu, selepas Yang Berhormat bagi Bukit Assek yang saya akan panggil nanti, akan diikuti oleh Yang Berhormat bagi Machan dan juga Yang Berhormat bagi Ngemah. Selepas ini adakah sesiapa Yang Berhormat ingin nak berucap. Tolong beri, Yang Berhormat bagi Simunjan, tolong beri indikasi, terima kasih. Silakan Yang Berhormat bagi Bukit Assek.

YB Encik Chieng Jin Ek: Thank you, Tuan Speaker for giving me the opportunity to debate on our Honourable Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak's address. I would like to express my sincere appreciation to the visionary address delivered by our TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud during recent *Pembukaan Persidangan Pertama bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Sarawak Kesembilan Belas*. His Excellency Address will be the guidance for our Sarawak Government moving forward into a prosperity and harmonious State.

Tuan Speaker, there are six issues in my Constituency N.51 Bukit Assek and Sibul as whole that I would like to highlight to the Ministries and the august House.

Bukit Assek Redevelopment Plan

Sarawak Government has appointed an international consulting firm based in Denmark, RAMBO, to study and oversee the flood mitigation and water management issues for Sibul and Bukit Assek Redevelopment Plan. The consultants are expected to conduct assessments and analysis in Sibul soon. And once flood mitigation and water management are integrated into the overall redevelopment blueprint for Bukit Assek, it will become a more comprehensive plan, which is eagerly anticipated by the people.

Given the frequent flooding and flash flood issues in Sibul, the people have high hopes that the Bukit Assek Redevelopment Plan also can permanently address the flash flood concerns in Sibul.

The people have great expectations for the Bukit Assek Redevelopment Plan, and it is crucial to include the affordable housing in the plan, allowing some local residents who wish to exchange their old housing units to the affordable housing units in the redevelopment area. This not only solves some of the relocation issues but also mitigates the social problems in our community. I hope the complete blueprint of the plan can be released soon. This is an urgent matter and is highly valued and looking forward by the people of Sibü. I urge the Land Custody and Development Authority Sarawak (LCDA), the implementing agency, to organize briefing sessions and exhibitions in different shopping malls or even venues after the release of final blueprint. These sessions should have agency officers on-site to provide the explanations so that the people of Sibü can have a better understanding and participate actively.

Timbalan Speaker, I was disappointed on the proposal and the comments that made by YB for Bawang Assan during DUN sitting earlier and I believed that people of Sibü will also agreed with me that we should be up to date all the time, we should adopt the new flood mitigation plan and the new redevelopment plan with the latest technologies and the methods, rather than using the old design, which was almost 20 years ago. GPS Government is a responsible Government. For the benefit of the *rakyat*, the footsteps of development should not be at a standstill or backward.

According to Guang Ming Daily published on 9th April 2010, the last activity appearance by the Late Datuk Robert Lau Hoi Chew in Sibü on 5th March 2003. During his site inspection of drainage upgrading project in Bukit Assek area, he revealed to the reporters that he will never give up Bukit Assek Redevelopment Plan.

The Late Datuk Robert Lau Hoi Chew, who is my political mentor. His determination and the spirit of never give up always inspired me and become my motto to serve *rakyat* wholeheartedly. No doubt that Bukit Assek Redevelopment is colossal scale, spanning multiple regions requiring significant investment in terms of financial resources and human capital. And know that that the project's magnitude is matched only by its potential impact, and it has the capacity to revolutionize the local economy, create job opportunities, and enhance the overall quality of life.

Storm Disaster on 5th April 2023

On the evening of April 5th, a severe storm accompanied by the strong winds caused significant damage in Sibü. Particularly in the areas of Bukit Assek, Pelawan, and Nangka, many houses' roofs were blown off, and some were crushed by fallen trees. And this resulted in leaking ceilings and flooded homes. Fortunately, there were no casualties reported, and although there were significant property losses and after the windstorm in Sibü, various assistance units demonstrated a high spirit of mutual assistance and cooperation. My N.51 Bukit Assek Service Center, and also the community leaders and councillors in Bukit Assek area actively assisted victim families. And at the same time, we also collaborated with Sibü District Office and Sibü Welfare Department to collect the application forms for disaster relief assistance. A total of 119 applications were received.

Tuan Speaker, at the same time, I would also like to express gratitude to Bomba dan Penyelamat Sibü Division, Polis Diraja Malaysia Sibü Division, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Sibü Division, Sibü Municipal Council's SERVE Team, and Non-Governmental Organizations for their immediate and tireless assistance in clearing the fallen trees along the roadsides. They also collaborated with the Sibü District Office and Sibü Welfare Department to provide assistance to the victim families.

According to the report from Sibü District Office and Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Sibü Division, a total of 122 households were affected in the Bukit Assek area. I have submitted the report along with Deputy Minister YB Michael Tiang and also Deputy Minister YB Datuk Dr. Haji Annuar bin Rapa'ee, applying the disaster relief assistance to Sarawak Disaster Management Committee to alleviate the heavy economic burden on the affected victim families.

Sibu Flight Issues

Sibu To Singapore International Direct Flight

Sibu – Singapore International direct flights commenced on 16th December 2022 last year. I would like to express my gratitude to Ministry of Transport Sarawak for their assistance in fulfilling the aspirations of the people in the central region and this direct flight is crucial not only for the population of Sibu but also for the entire central region, which including nearby towns such as Sarikei, Mukah, Kapit, Song, Kanowit, Bintangor and etc.

The direct flight serves as an important gateway for Sibu or central region of Sarawak connect to the world and plays a significant role in its political, economic, cultural, educational sectors. Particularly in the term of economy, Singapore serves as an essential platform for Sibu to step onto the global stage. Through this direct flight, we can attract more international tourists to visit the central region and facilitate the export of our products.

Since its inaugural flight on 16th December 2022, according to the data provided by Air Asia, the passenger load has consistently reached over 62% and which December last year 86.55%, January this year 62.36%, February - 66.55%, March – 72.58%, April - 66.72%. And the response has been very positive. Initially, the route was only intended for a trial operation until March this year, but due to positive market feedback, it has been extended to October 27th and I hope that Sarawak Government and the Ministry of Transport can assist in making this international direct flight a permanent route, which will be able to alleviating the concerns of the people in the central region and also allowing for longer-term travel plans.

STATELESS CHILDREN ISSUES

The process of applying for citizenship for stateless children or individuals in Sarawak is lengthy and extremely slow and many applicants in Bukit Assek area have been waiting for more than 10 years without any news.

I hope that Sarawak Government can reach an agreement with the Federal Government, including the establishment of a Joint Committee. As long as the Committee agrees on the basic criteria, the Ministry of Home Affairs, Federal can cooperate to expedite the acquisition of citizenship for Sarawakians.

ROAD UPGRADING AND TRAFFIC CONGESTION ISSUES

Construction of New Roads and Upgrading Roads

With the increasing number of vehicles each year, the traffic congestion in Sibu has become a serious issue, the construction of new roads is urgently needed. I am delighted that Sarawak Government has promised in principle to build three new linked roads and two upgrading roads in Sibu, which will be included in the 12th Malaysia Plan.

These include the construction of new linked road from Aman Roundabout to Jalan Tunku Abdul Rahman, the new linked road from Ulu Sungai Merah to Jalan Tunku Abdul Rahman and Jalan Teku, the new linked road from Teku Pasai Siong to Kemuyang, the upgrading of Jalan Ulu Oya from Jalan Tong Sang/ Jalan Wong King Huo traffic junction to Jalan Pahlawan traffic junction and upgrading of Jalan Kong Yit Khim from single carriageway to dual carriageway (Phase 1).

And with these five new linked roads and road upgrading, it is expected that the traffic congestion in Sibu will be significantly alleviated and the people are eagerly looking forward to the implementation of these project soon.

Upgrading of Tun Ahmad Zaidi Aduce Road

Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce as one of the important linked roads in Sibü, linking the south-west bank by the Lanang Bridge, upper Lanang industrial area, the Jalan Wong King Huo, the Jalan Salim, and other areas to Jalan Tunku Abdul Rahman, which is the airport road. Additionally, there are plans to construct a new Sibü Central Bus Terminal along this road by the developer and also Sibü Traffic Committee has proposed the site for the new lorry terminal along the road too. This indicates the high volume of vehicles and the busy nature of the road and which only increase in the future.

Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce was completed in year 2007, 16 years ago till now and due to the condition of the soil is seated on the peat soils area of the high volume of the traffics, including lorries and heavy vehicles, the road frequently experiences sinking and damages and leading to traffic accidents and vehicle damages.

JKR Sibü has regularly conducted the road maintenance, including recent bidding for the partial road upgrading projects funded by MARRIS maintenance. However, for a permanent solution to address the sinking and the damages of Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce, constructing a fully or partially piled road would be the best solution.

And I will submit the engineering proposal that prepared by the JKR Sibü to the relevant Ministry, and I hope that Sarawak Government can resolve this long-term nightmare of Sibü people.

Sibü Traffic Wardens

Sibü experiences frequent traffic congestion issues during school dismissal time. And I hope that Sibü can implement a Traffic Warden programme, similar to other cities in Sarawak, as soon as possible. Sibü Municipal Council has sent personnel for training, but the implementation of the programme hasn't start yet. I would like to inquire about the reasons behind this delay and also request the relevant Ministry to resolve the issue soon.

LAND TITLES ISSUES

In order to safeguard the rights of the homebuyers, it is necessary for Sarawak Government to legislate and regulate developers, requiring them to complete the land title application process within a specific time frame after the issuance of the Occupation Permit (OP) by the Local Council.

Sibü is facing a serious issue of land title delays. While many house owners possess the Occupation Permit and the Road Certificate, the most crucial document, the land title, takes a significantly long time to obtain. Some homeowners have been waiting for decades and only to be disappointed and this is an urgent issue that faced by many residents in Sibü.

According to the oral reply session in the DUN sitting earlier, Ministry of Natural Resources and Urban Development Sarawak provided information indicating that as of 30th April 2023, in the Bukit Assek constituency alone, there were 447 lots of land involving five projects where the Occupation Permit and the Road Certificates have been issued for more than three years but land titles have not been granted and among these, there are 333 under the residential landlord and 100 commercial land and 14 industrial land and I believe the situation for whole Sibü Division is even more extensive.

I have received numerous complaints; the relevant Government Agencies should monitor and implement strict policies to resolve all these issues. Developers must comply with the specific conditions set by the Land and Survey Department and fulfil their obligations to pay the land premiums in order to expedite the issuance of land titles and after all, for many families this may be their sole lifelong asset.

In conclusion Tuan Speaker, GPS is people-centric Government that always prioritizes the well-being of its people and understands their needs and wants for a better Sarawak. I hope relevant Ministries and agencies can take immediate actions to resolve all these issues of *rakyat*.

Last, I would like to extend my sincere greetings to all Muslim friends and Tuan Speaker *Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. And to Dayak community, Selamat Hari Gawai, Gayu Guru Gerai Nyamai. Sarawak First, Rakyat Diutamakan.* Terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Assek. Next, I would like to call Ahli Yang Berhormat bagi Machan, please.

YB Encik Allan Siden Gramong: Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud yang sentiasa prihatin dan mengambil berat tentang Sarawak serta rakyat jelata atas ucapan yang telah diberikan.

Tuan Speaker, dengan kesempatan ini, saya ingin menzahirkan rasa yang amat gembira kerana politik Negara kita berada dalam keadaan stabil dan dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan sembah tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong di atas kebijaksanaan beliau dalam menyelesaikan kemelut politik Malaysia. Justeru itu saya amat yakin dengan hubungan erat sesama Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan ini.

Tuan Speaker, dengan wujudnya Kerajaan Perpaduan ini, amatlah saya berharap juga agar tuntutan Sarawak selaras Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), Laporan GLC, Perlembagaan Sarawak dan Perlembagaan Persekutuan dipercepatkan.

Bekalan Air di Kanowit

Tuan Speaker, seperti yang kita sedia maklum, bekalan air yang bersih serta tekanan air yang kuat amatlah penting agar kita dapat menjalankan rutin harian dengan lancar. Bagi kawasan saya, penduduk di beberapa kawasan masih lagi berdepan dengan masalah bekalan air yang tidak bersih dan tekanan air yang rendah terutamanya selepas hujan lebat. Isu ini bukanlah satu perkara yang asing dan pernah saya kemukakan di persidangan Dewan yang mulia ini pada persidangan yang lepas.

Oleh yang demikian, bagi sesi persidangan ini, saya ingin mengetahui maklum balas daripada Kementerian Utiliti, apakah perkembangan terkini atau langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam projek bekalan air bersih bagi Kawasan N.50 Machan terutamanya di Ulu Machan, Majau, Menalun, Poi, Ulu Poi, Pekan Kanowit dan Pekan Machan. Hasrat saya adalah ingin melihat semua penduduk di kawasan saya dapat menikmati bekalan air yang bersih serta tekanan air yang kuat, maka besarlah harapan saya agar Kementerian yang berkenaan dapat menyelesaikan isu ini dengan segera.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh perkara mengenai bekalan air terawat. Bekalan air terawat serta berkualiti amatlah penting untuk kita menjalankan rutin harian seperti memasak, minum, mencuci dan lain-lain. Bagi kawasan Kanowit, segelintir masyarakat masih belum dapat menikmati bekalan air terawat. Hari ini saya ingin bertanya kepada Kementerian atau agensi berkenaan mengenai projek "*New Water Treatment Plant and Associated Works, Kanowit*" dan bilakah ianya dapat dilaksanakan ataupun disiapkan?

Tuan Speaker, untuk makluman, projek ini merupakan projek URDA yang akan dilaksanakan di bawah agensi RECODA yang akan memberi manfaat kepada 37 buah rumah panjang di kawasan Majau, Mam, Batu Luking, Nanga Poi dan Nanga Menalun serta tiga buah sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Sekolah Kebangsaan Majau dan Sekolah Kebangsaan Menalun. Kawasan-kawasan yang saya nyatakan sebentar tadi tidak mempunyai punca air dan penduduk yang menetap di kawasan tersebut hanya bergantung kepada air hujan. Mereka terpaksa

menggunakan alternatif ini untuk kegunaan harian mereka. *“Enti enda ujan, nadai aik meh”*. Oleh yang demikian, saya berharap agar pihak yang bertanggungjawab akan memberi perhatian yang serius kepada perkara ini agar projek ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Tuan Speaker, kawasan tersebut mempunyai akses jalan, jadi saya berharap pihak tertentu atau JBALB, sekiranya pihak yang bertanggungjawab berkesempatan, tinggillah harapan saya agar pihak tersebut dapat menghantar bekalan air ke kawasan-kawasan tersebut sebelum musim perayaan Hari Gawai.

Tuan Speaker, jambatan di kawasan Nanga Machan telah siap sepenuhnya. Begitu juga dengan bekalan elektrik bagi kawasan tersebut. Namun, bekalan air terawat belum disalurkan kepada kawasan Nanga Machan dan Nanga Jerangku. Saya juga berhasrat agar kawasan-kawasan ini turut diberi perhatian untuk projek bekalan air terawat.

Naik taraf Jalan Raya

Tuan Speaker, untuk makluman, jalan di kawasan SMK Kanowit dan Kampung Muhibbah, Kanowit kini telah rosak akibat oleh kerja-kerja pembangunan yang sedang giat dijalankan di kawasan tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan kejadian kemalangan berlaku dan kerosakan pada kenderaan penduduk di kawasan tersebut. Saya berharap pihak tertentu akan mengambil tindakan untuk membaiki jalan tersebut kerana tidak lama lagi, kita menyambut Hari Gawai dan kita takut sekiranya berlaku sebarang kemalangan pada hari tersebut.

Tuan Speaker, tidak ketinggalan juga jalan raya dari Rantau Kemiding ke Lipus yang mempunyai laluan yang agak sempit serta membahayakan pengguna laluan tersebut. Demi keselamatan pengguna jalan raya di kawasan-kawasan tersebut, saya berharap agar Kementerian yang berkenaan akan memberi perhatian yang serius atau menaiktarafkan kelebaran jalan tersebut.

Tuan Speaker, di samping itu, saya juga ingin pihak Kerajaan Negeri menaiktarafkan Jalan Penyulau Lukut dan Majau. Untuk makluman, jalan ini sering digunakan oleh pengguna dari kawasan yang berdekatan seperti Song serta Kapit, dan ini juga turut menyumbang kepada peningkatan kes kemalangan yang kian kerap berlaku di kawasan tersebut. Untuk makluman, jalan raya tersebut mempunyai permukaan jalan yang tidak rata.

Projek Membina Jalan Menalun ke Sg. Poi, Kanowit

Tuan Speaker, sebelum itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan dan mendengar permohonan saya mengenai projek bina jalan Menalun ke Sg Poi Kanowit.

Dengan ini, saya ingin mengetengahkan mengenai keluhan serta permintaan rakyat saya yang di kawasan Ulu Poi. Setelah memerhati segala serta meneliti sendiri bersama agensi pelaksana iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak (DID) mengenai projek tersebut, amat besarlah harapan saya agar projek ini ditambahkan lagi peruntukannya. Ini adalah kerana kos sedia ada untuk projek ini hanya mampu menampung kos projek dari Jambatan Menalun sehingga ke Rumah Panjang Utau.

Justeru itu, penambahan kos yang diharapkan ini boleh menampung penyambungan terus projek ini sehingga ke Ng Apek yang melibatkan enam buah rumah panjang serta sebuah sekolah iaitu:

- (a) Rumah Linda;
- (b) Rumah Nyaru;
- (c) Rumah Sait;
- (d) Rumah Balai;
- (e) Rumah Tarang;

- (f) Rumah Ghani; dan
- (g) Sekolah Rendah Ulu Poi.

Besarliah harapan saya agar permohonan penambahan peruntukan saya ini dapat dipertimbangkan serta diluluskan.

Penubuhan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Produk Pertanian (CPPC)

Tuan Speaker, seperti di kawasan-kawasan DUN yang lain yang mempunyai Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Produk Pertanian (CPPC), saya juga berharap agar Kementerian Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah Sarawak dapat mempertimbangkan penubuhan CPPC di Kanowit.

Ini pasti dapat membantu para petani atau penternak di Kanowit untuk memasarkan produk-produk mereka sekaligus meningkatkan pendapatan mereka dan menaik taraf hidup mereka.

Bantuan Kebajikan

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti yang telah meluluskan permohonan mereka yang memerlukan bantuan kebajikan terutamanya di Kanowit.

Walaubagaimanapun, saya telah menerima khabar serta rintihan daripada penerima bantuan kebajikan bahawa bantuan yang mereka terima sebelum ini telah diberhentikan. Saya berharap agar Kementerian yang berkenaan dapat memberi keterangan berhubung perkara ini supaya penduduk di Kawasan saya akan sedia maklum tentang kriteria-kriteria pemohon yang layak untuk mendapatkan bantuan tersebut.

Banjir di Kanowit

Tuan Speaker, banjir kilat adalah antara kejadian yang sering berlaku di kawasan Machan terutamanya di Kampung Muhibbah ini adalah disebabkan kerja sistem perparitan yang amat teruk. Banjir yang berlaku telah memberi kesan kepada penduduk di sekitar Kampung Muhibbah seperti kerugian kerosakan tanaman, kerosakan harta benda dan lain-lain. Isu ini pernah saya kemukakan semasa persidangan yang lepas di Dewan yang mulia ini.

Oleh yang demikian, saya ingin mengetahui apakah status terkini berhubung rancangan Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah banjir di Kampung Muhibbah di bawah Peruntukan Projek Khas P.129 yang diberi nama "*Drainage Improvement Works at Kampung Muhibbah, Kanowit*" yang menelan kos sebanyak 10 juta ringgit. Saya telah dimaklumkan pada tahun lepas bahawa projek ini masih di peringkat "*Design Stage*". Dengan itu, saya ingin mengetahui apakah status projek ini bagi tahun ini.

Bekalan Elektrik

Tuan Speaker, kita semua sedia maklum bahawa bekalan elektrik memainkan peranan yang sangat penting untuk memudahkan kehidupan seharian kita terutamanya penggunaan peralatan elektronik.

Dalam mengejar kemodenan zaman kini, tidak dapat dinafikan bahawa tenaga elektrik adalah penting sebagai pemacu pembangunan di dalam pelbagai sektor selain daripada untuk meningkat taraf hidup rakyat, khususnya penduduk di kawasan luar bandar.

Tuan Speaker, Segelintir penduduk di kawasan saya belum dapat menikmati bekalan elektrik terutamanya di kawasan ulu seperti:

- (a) Ulu Poi, Kanowit; dan
- (b) Ulu Machan, Kanowit.

Untuk makluman, kawasan Ulu Machan yang di dalam kapasiti sebanyak sembilan buah rumah panjang dan sebuah sekolah dan bagi kawasan Ulu Poi pula merangkumi sebanyak 11 buah rumah panjang, sebuah sekolah dan sebuah klinik kesihatan pendalaman.

Jadi, saya ingin mengetahui apakah status terkini bagi projek penyambungan bekalan elektrik ke rumah-rumah penduduk bagi kawasan tersebut sehingga ke hari ini?

Bina Baru Gereja St. Francis Xavier, Kanowit

Tuan Speaker, Gereja St. Francis Xavier, Kanowit dibina pada tahun 1880 dan ia merupakan gereja yang tertua di Sarawak. Kapasiti penduduk di Kanowit yang semakin bertambah telah menjadikan gereja ini sudah tidak dapat menampung bilangan penduduk yang datang untuk sembahyang di gereja tersebut terutamanya musim perayaan seperti sambutan Hari Krismas. Ada kalanya penduduk yang datang sembahyang terpaksa duduk di luar gereja dan kanopi-kanopi turut didirikan untuk menempatkan umat gereja.

Tuan Speaker, Untuk makluman, kos pembinaan gereja baru ini sangatlah tinggi. Seperti yang dicadangkan oleh pihak Gereja St. Francis Xavier, gereja baru ini akan dapat menampung bilangan penduduk sehingga 3,000 orang. Sudah pastinya saya ingin melihat penduduk di Kanowit sembahyang dengan keadaan yang selesa serta selamat. Oleh yang demikian, besarlah harapan saya sekiranya Kerajaan Negeri dapat meluluskan permohonan saya untuk Projek Membina Baru Gereja St. Francis Xavier, Kanowit.

Bina Baru Dewan Serbaguna Kanowit

Tuan Speaker, dalam kesempatan ini, saya juga ingin mencadangkan Projek Rakyat iaitu Bina Baharu Dewan Serbaguna Pekan Kanowit untuk kegunaan masyarakat setempat. Dengan adanya projek berkenaan, ia akan memberi manfaat kepada masyarakat yang ingin mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti mesyuarat, aktiviti bersukan, majlis atau kenduri dan aktiviti yang lain-lain.

Tuan Speaker, Saya berharap agar Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan permohonan saya untuk membina baru dewan serbaguna kanowit.

Project Rakyat: Waterfront Pekan Machan

Tuan Speaker, sekali lagi, saya ingin bertanya mengenai Projek Rakyat yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak semasa kunjungan beliau dalam perasmian Bangunan Pertanian Nanga Machan, Kanowit yang lalu.

Dengan itu sekali lagi saya ingin mengetahui tentang status terkini serta perkembangan terkini mengenai projek *Waterfront* Pekan Machan yang telah diluluskan tersebut. Menurut Timbalan Premier, YB Dato Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian telah menyatakan pada persidangan yang lepas bahawa telah ada juruperunding telah dianugerahkan ke atas projek tersebut pada hujung tahun 2022. Justeru itu, sesungguhnya ingin saya mengambil tahu status terkini untuk tahun 2023.

Projek URDA: Proposed New Road to Ng. Geremai, Kanowit

Tuan Speaker, ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri telah meluluskan satu Projek URDA iaitu "*Proposed New Road to Ng. Geremai, Kanowit*" di bawah Agensi RECODA. Saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan apakah status terkini projek itu? "*Sebab mun kamek nangga gia, sik jalan jalan*". So better check with the authority what is happening in the ground. Maklum balas dari pihak yang bertanggungjawab amatlah penting untuk saya

berkongsi bersama dengan rakyat di Kawasan saya yang sering bertanya, bilakah jalan tersebut akan siap sepenuhnya?

Pejabat Daerah Kanowit

Tuan Speaker, bangunan Pejabat Daerah Kanowit dibina pada tahun 1996. Kini, persekitaran Pejabat Daerah Kanowit tersebut kurang kondusif. Tempat bekerja staf di pejabat tersebut sempit, tandas yang seringkali rosak dan lain-lain. Untuk makluman, persekitaran Pejabat Daerah Kanowit sukar untuk diselenggara oleh kerana faktor struktur sedia ada di Tingkat 1, bangunan Pejabat Daerah Kanowit sering mengundang kehadiran burung yang ingin membuat bersarang di bangunan tersebut. Saya berharap agar Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan permohonan saya untuk menaik taraf bangunan Pejabat Daerah Kanowit. Ini bagi memastikan pekerja di Pejabat Daerah Kanowit dapat bekerja dengan selesa dan pengunjung yang mempunyai urusan di pejabat tersebut berasa selesa.

Bangunan dan Fasiliti Agensi Kerajaan di Kanowit

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh mengenai bangunan Balai Bomba dan Penyelamat Daerah Kanowit. Untuk makluman, bangunan ini telah dibina sekitar tahun 1993. Menurut pandangan saya, keadaan fasiliti Balai Bomba dan Penyelamat ini perlu diselenggara dan diberi sistem pendawaian kerana bangunan ini dibina pada 28 tahun yang lepas. Kita tidak mahu sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh tentang Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kanowit juga yang kini dalam keadaan tidak kondusif. Untuk makluman, bangunan IPD Kanowit ini telah dibina pada tahun 1989. Saya mohon untuk penambahan bangunan pejabat IPD Kanowit kerana ruang pejabat yang sedia ada tidak mencukupi dan agak sempit untuk menampung bilangan pekerja-pekerja di pejabat IPD Kanowit. Begitu juga dengan sistem pendawaian di pejabat ini juga sudah lama dan perlu diselenggara serta keadaan tempat meletak kenderaan di depan IPD juga perlu dibaiki dengan segera.

Justeru itu, Tuan Speaker, bangunan Hospital Kanowit turut perlu dinaik taraf atau dibina baru. Bangunan Hospital Kanowit dibina pada tahun 1982 dan mula beroperasi pada tahun 1984. Jumlah penduduk di Kanowit semakin meningkat dan keadaan ini menyumbang kepada kepadatan bilangan pesakit yang ingin mendapatkan rawatan di Hospital Kanowit. Saya mohon agar pihak Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan permohonan saya untuk membina baru atau menaik taraf bangunan Hospital Kanowit, ini bagi memastikan pekerja, pengunjung atau pesakit berasa selesa dan selamat semasa berada di Hospital Kanowit.

Tuan Speaker, tidak lupa juga dengan bangunan Pejabat Pendidikan Daerah Kanowit yang telah dibina pada tahun 1978. Saya berharap agar pihak Kerajaan Negeri boleh menaik taraf struktur bangunan Pejabat Pendidikan Daerah Kanowit. Di samping itu, bangunan Majlis Daerah Kanowit juga perlu dibaik pulih. Untuk makluman, bangunan Majlis Daerah Kanowit ditubuhkan pada tahun 1994. Saya juga berharap agar Majlis Daerah Kanowit tidak dilupakan dalam usaha pembangunan Daerah Kanowit.

Tuan Speaker, sudah tiba masanya untuk penduduk yang menetap di kawasan Kanowit menikmati pembaharuan di kawasan Kanowit. Saya juga ingin melihat pembangunan serta pembaharuan di Kawasan saya sendiri sejajar dengan arus pemodenan dunia zaman kini. Maka dengan itu, saya berharap agar Kerajaan Negeri mendengar serta mempertimbangkan permohonan saya untuk membina baru atau menaik taraf bangunan-bangunan agensi Kerajaan di Kanowit.

Tuan Speaker, dengan sukacitanya menyatakan bahawa saya menyokong penuh ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada masyarakat beragama Islam dan saya ingin

mengucapkan Selamat Hari Gawai kepada masyarakat Dayak serta Selamat Ngintu Ari Gawai Dayak tahun 2023 *ngagai kitak semua, Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menoa.*

Sekian, terima Kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Machan. Seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah.

YB Encik Anyi anak Jana: Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam sesi perbahasan di Dewan yang mulia ini. Pertama sekali, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadirat Tuhan kerana dengan limpah kasih dan kurnia-Nya, saya berpeluang untuk turut serta dalam perbahasan Usul Penghargaan di atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak sempena Upacara Pembukaan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-19 di Dewan yang mulia ini pada Isnin, 15 Mei 2023.

Tuan Speaker, saya juga ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih atas ucapan pembukaan Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak yang telah menyentuh pelbagai aspek yang amat bermakna dan sewajarnya menjadi iktibar dan panduan kepada kita sebagai wakil rakyat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam usaha kita melonjakkan pembangunan di Negeri ini. Ucapan Tuan Yang Terutama Tun telah menyentuh semua aspek penting dan sewajarnya diberi perhatian di dalam usaha kita untuk mencapai sebuah Negeri maju yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg, Premier Sarawak yang telah mengemudikan Gabungan Parti Sarawak (GPS) semasa menghadapi pilihan raya umum ke-15 yang lalu. Sebagai nakhoda yang disegani Yang Amat Berhormat Premier telah memimpin Gabungan Parti Sarawak apabila telah memenangi 23 kerusi daripada 31 kerusi yang dipertandingkan bagi kerusi Parlimen di Negeri Sarawak.

Ini merupakan satu peningkatan yang baik jika dibandingkan dengan keputusan PRU-14 yang lalu. Kemenangan ini menunjukkan kepercayaan rakyat Sarawak kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak untuk menjaga kedaulatan Sarawak mengendalikan kestabilan politik, kesejahteraan rakyat dan keharmonian pelbagai kaum di Sarawak dalam memacu kepimpinan Negeri ke arah mencapai Negeri maju dan berpendapatan tinggi. Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-15 telah mengubah keadaan landskap politik di Malaysia.

Oleh disebabkan tiadanya satu gabungan parti politik yang mendapat majoriti mudah bagi membentuk Kerajaan, Yang di-Pertuan Agong telah bertindak dengan bijaksana dalam menyelesaikan kemelut politik di Malaysia. Yang di-Pertuan Agong telah mencadangkan pembentukan Kerajaan Perpaduan dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-10.

Pembentukan kabinet Kerajaan Perpaduan telah mencipta satu sejarah bagi wakil gabungan Parti Sarawak (GPS) turut dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan beberapa wakil GPS juga turut dilantik sebagai anggota kabinet Kerajaan Perpaduan. Keadaan ini membuktikan Sarawak juga mempunyai kualiti kepimpinan yang boleh bersama dalam membantu dalam menyumbang kepada pembangunan kepada Negara kita, Malaysia.

Tuan Speaker, tahun ini genaplah 60 tahun Sarawak telah merdeka dari tahun 1963 ke tahun 2023 sejak penubuhan Negara Malaysia. Inisiatif Kerajaan Sarawak bagi merayakan ulang tahun ke-60 kemerdekaan Sarawak dengan tema Sarawak Maju Makmur dilihat amat berpatutan sekali. Adalah wajar sambutan program ini melibatkan semua lapisan masyarakat dengan pelaksanaan program turut dilaksanakan di peringkat bahagian dan juga di peringkat daerah.

Sambutan perayaan ini juga akan memberi banyak kesedaran kepada kita generasi baru bagi memahami perjuangan dan sumbangan para pemimpin terdahulu dalam mengekalkan kestabilan politik dan pembangunan di Negeri Sarawak.

Tuan Speaker, pandemik COVID-19 telah menjejaskan kesejahteraan rakyat serta memberi kesan yang mendalam kepada ekonomi dan golongan rakyat di Sarawak. Namun demikian, syabas di atas kepekaan keprihatinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg kerana telah berjaya memulihkan ekonomi Sarawak sejak dilanda pandemik COVID-19.

Pelaksanaan pakej Bantuan Sarawakku Sayang (BKSS) bernilai 6.7 bilion dilihat telah dapat membantu banyak rakyat yang terkesan, khasnya rakyat di kawasan luar bandar. Selain itu, pelan pembangunan Kerajaan Sarawak melalui *Post COVID-19 Development Strategy (PCDS) 2030* pastinya akan membawa Sarawak menjadi Negeri maju menjelang tahun 2030.

Melalui strategi ini, beberapa inisiatif strategik dilaksanakan seperti ekonomi digital, ekonomi baru dan teknologi hijau. Pelaksanaan inisiatif baru ini pastinya akan meningkatkan pendapatan Sarawak dan ianya juga akan merealisasikan hasrat Sarawak untuk menjadi Negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Tuan Speaker, izinkan saya untuk menyentuh beberapa isu di Kawasan saya, iaitu DUN N.49 Ngemah. Yang pertama, RASCOM Development Agency (RASDA). Mewakili rakyat di Kawasan DUN Ngemah, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak di atas pengumuman Yang Amat Berhormat Premier Sarawak bagi penubuhan RASCOM Development Agency (RASDA) pada 18 November 2022 yang lepas, iaitu sehari sebelum PRU15.

Penubuhan RASDA ini adalah dengan hasrat untuk membangunkan kawasan parlimen Kanowit dan juga kawasan Parlimen Selangau khasnya bagi membangunkan infrastruktur, pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial.

Penubuhan RASDA ini jika dilihat adalah berkaitan dengan penubuhan Markas Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM) bagi mengekang ancaman komunis pada tahun 1970-an. Oleh itu, Kerajaan telah menubuhkan RASCOM pada tahun 1972 bagi mengawal dan menjaga keselamatan penduduk di kawasan tersebut.

Melalui RASCOM ini, Kerajaan telah menubuhkan tiga buah Skim Penempatan Semula (SPS) di DUN Ngemah iaitu SPS Nanga Jagau, SPS Nanga Nungun dan juga SPS di Nanga Tada. Oleh itu, penubuhan RASDA ini adalah diharap dapat memberi banyak manfaat kepada penduduk di DUN Ngemah khasnya di tiga kawasan SPS yang saya sebutkan tadi. Penubuhan tiga SPS sejak 51 tahun yang lepas iaitu dari tahun 1972 ke tahun 2023 tahun ini memerlukan satu perubahan drastik selaras dengan penubuhan RASDA.

Perubahan pembangunan di tiga kawasan SPS perlulah diberi perhatian yang meliputi;

- (a) Membuka penempatan baru di kawasan Skim Penempatan Semula (SPS) kerana penempatan sedia ada sudah terlalu sesak dengan penambahan penduduk yang sudah masuk generasi yang ketiga;
- (b) Membina sistem jalan raya yang terlebih terancang kerana pembinaan penempatan pada tahun 1972 tidak lagi sesuai dengan keadaan pembangunan pada masa kini; dan
- (c) Membangunkan kawasan SPS dengan satu kegiatan ekonomi yang boleh meningkatkan pendapatan penduduk di ketiga-tiga Skim Penempatan Semula ini.

Tuan Speaker, di sini juga saya ini memberitahu tentang tanah di *area* SPS Nanga Nungun, Nanga Tada dan juga Nanga Jagau dan saya rasa juga di SPS di Nanga Sekuau di DUN Tamin.

Pihak RASCOM telah mengagihkan tiga ekar tanah untuk diberi kepada satu-satu keluarga. Tanah itu telah dibayar oleh pihak RASCOM pada tuan punya tanah tetapi penduduk masih belum ada hitam putih untuk memiliki tanah tersebut. Sama juga dengan tapak rumah-rumah panjang, mohon Kerajaan untuk menyukat tapak tanah tersebut... (*Interruption*)...

Timbalan Speaker: Tunggu dulu. Ahli Yang Berhormat, kita beri ruang sekejap, ya. *I will give you the time. I add up to your time.* Cuba lagi?

YB Encik Anyi anak Jana: Sama juga dengan tapak-tapak rumah panjang, mohon Kerajaan untuk menyukat tapak rumah panjang tersebut dan memberi *Individual Title* kepada satu-satu keluarga yang tinggal di ketiga-tiga SPS ini. Maksudnya macam sekarang, kita tinggal di tanah yang belum ada *title*.

Pembangunan Infrastruktur

Tuan Speaker, sebagai wakil rakyat wakili kawasan luar bandar iaitu Kawasan DUN N.49 Ngemah semestinya pembangunan infrastruktur menjadi keutamaan di Kawasan saya. Bagi pembangunan infrastruktur di DUN Ngemah beberapa projek pembinaan jalan raya seperti berikut yang telah diberi perhatian sewajarnya seperti:

- (a) Menyiapkan projek pembinaan jalan Nanga Ngungun/ Nanga Jagau mengikut jadual pelaksanaannya dan juga jalan itu perlu disambung ke Rumah Salang Rantau Lugai, Ulu Ngemah;
- (b) Menyiapkan jalan Nanga Dap ke Penempatan Semula Nanga Dap mengikut jadual pelaksanaannya;
- (c) Menambah baik ataupun menaik taraf jalan Nibong/ Tada yang jaraknya lebih kurang 40 kilometer. Sekarang sudah berlenggang lenggok jalan itu;
